

"DAN orang-orang yang beriman serta mengerjakan amalan-amalan soleh merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 82.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.26 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.52

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 81

7 JULAI 2025 / 1447 محرم 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Kim Min-seok.



Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan



tahniah kepada Tuan Yang Terutama Kim Min-seok berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Korea.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Pelepasan ekspedisi pembawa bendera kecil NBD sempena Hari Keputeraan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai. - Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pelepasan Ekspedisi 79 Orang Pembawa Bendera Kecil NBD bagi Tahun 2025 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Brunei dan Muara telah berlangsung di Entrance The Mall Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

>> Muka 6

Rebut ganjaran pahala di bulan Muharam

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TEMBURONG, Sabtu, 5 Julai. - "Hari Tasu'a dan Asyura yang jatuh dalam bulan Muharam salah satu daripada empat bulan haram yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala merupakan hari yang penuh keberkatan.

"Muharam digelar sebagai 'bulan Allah' oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menandakan kemuliaannya yang sangat tinggi.

"Umat Islam digalakkan berpuasa sunat

pada 9 dan 10 Muharam sebagai tanda syukur atas peristiwa agung penyelamatan Nabi Musa Alaihissalam dan umatnya daripada Firaun, sebagaimana diamalkan oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Ia juga dikenang sebagai hari kesyahidan cucu Baginda, Sayyidina Husain Radiallahuanhu. Ini adalah simbol perjuangan dan kemenangan akhirat hakiki dalam mendirikan kalimah Tauhid.

>> Muka 4

223 pegawai, kakitangan terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai. - Pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L) adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan jasa kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun serta mengenang jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan Majlis Penyampaian Pengurniaan P.K.L sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun bagi Tahun 2024, bertempat di Dewan Bankuet, Majlis Mesyuarat Negara, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 4



Berita Utama



B2K lancar Buku Antologi Sajak Cinta dan Cita Negara

Muka 7




MENGALAKKAN penyertaan belia dalam sektor pertanian

Muka 10



BENGKEL ketengahkan pencegahan, pengurusan berat badan berlebihan, obesiti

Muka 18



RIZAL Rasid : Diari perjalanan dari SoundCloud ke Big Stage Alpha

Muka 20

Penganugerahan Sijil Taraf Kerakyatan, penegasan tentang nilai kesetiaan, semangat kebangsaan, membentuk masa depan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita dapat hadir di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-42 pada petang yang penuh dengan keberkatan ini.

InsyaaAllah, seramai 764 orang akan menerima Sijil Taraf Kerakyatan mereka, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, umur, agama dan bangsa. Sudah setentunya, hari ini merupakan detik yang sangat bermakna dan istimewa bagi semua penerima Sijil Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD). Sebagai tanda syukur dan penghargaan, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk *abiskita* menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Taraf Kerakyatan NBD.

Tidak dinafikan bahawa di era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, penyebaran

maklumat amatlah mudah. Justeru itu, adalah penting bagi semua rakyat untuk memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan menggunakan kemudahan teknologi secara berhemah serta menjadikan sebagai saluran untuk mengukuhkan perpaduan dan merapatkan silaturahim di kalangan masyarakat.

Berkaitan dengan perpaduan ini, peramba / saya sukacita mengimbas kembali titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Masihi 2025 yang mana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menekankan mengenai kepentingan perpaduan yang merupakan kunci pembangunan, di mana setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat-menghormati dan bekerjasama, maka segala cabaran akan dapat ditangani dengan baik.

Dengan adanya keteguhan perpaduan masyarakat dan juga dengan penghayatan nilai dan identiti kebangsaan yang berteraskan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) setentunya akan menjadi benteng kukuh dalam menangkis pengaruh negatif yang tidak selari dengan cara hidup kita dan perkara ini akan menjadi asas kepada kemajuan, keamanan dan kemakmuran NBD.

Penganugerahan Sijil Taraf Kerakyatan pada petang ini bukan sekadar formaliti penyerahan dokumen rasmi semata-mata, malah ia sebagai penegasan tentang nilai kesetiaan, semangat kebangsaan

dan kesediaan *abiskita* semua untuk menyumbang secara aktif dalam membentuk masa depan negara. Kita sebagai warganegara Brunei Darussalam memainkan peranan penting dan memikul amanah besar dalam sama-sama menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara, mematuhi undang-undang dan memperkukuh keharmonian serta memelihara perpaduan. Peramba / saya yakin, walau sekecil mana pun sumbangan *abiskita*, ia tetap memberi impak yang besar dalam merealisasikan apa jua yang dihasratkan.

Di kesempatan ini, peramba / saya sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1447 dan semoga di tahun baharu ini, tersemat tekad dan azam untuk menjadi insan yang lebih baik daripada sebelumnya, demi kesejahteraan diri, keluarga dan lebih penting lagi, demi kemajuan dan keberkatan NBD yang kita cintai.

Pada 15 Julai nanti, kita akan meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan raja kita, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun. Alhamdulillah, dengan berkat daulat dan kepimpinan baginda yang bijaksana, rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati keamanan, kesejahteraan dan keharmonian. Oleh itu, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-Nya yang telah mengurniakan seorang raja yang bijaksana, pemedulian, berjiwa rakyat, dan sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat jelata. Semoga Kebawah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-42 pada Khamis, 29 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 26 Jun 2025 Masihi di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan yang berkekalan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sebelum peramba / saya mengakhiri ucapan ini, peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Sijil Taraf Kerakyatan dan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada petang ini. Semoga segala usaha, sumbangan dan pengorbanan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	ISNIN	11	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	SELASA	12	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	RABU	13	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	KHAMIS	14	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
11	JUMAAT	15	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
12	SABTU	16	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
13	AHAD	17	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN			
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C		33 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C		33 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C		33 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C		33 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

7 JULAI 2025

Kemajuan ekonomi digital memacu pembangunan negara

DUNIA pada masa sekarang dipacu dengan kemajuan dan kemodenan digital. Pembangunan teknologi digital ini meliputi semua aspek kehidupan kita dan ia membawa kepada kesan positif dan juga negatif jika tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Kemajuan digital ini sangat penting kerana memainkan peranan dalam pembangunan sesebuah negara apatah lagi dalam konteks ekonomi. Ekonomi digital merujuk kepada aktiviti ekonomi yang dipacu oleh penggunaan digital dan internet termasuk e-Dagang, platform digital dan Kecerdasan Buatan atau AI.

Di Negara Brunei Darussalam, kita tidak ketinggalan untuk terus mengadaptasi dengan pembangunan ekonomi digital seiring dengan kemajuan dunia yang mana Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemajuan yang ketara seperti melancarkan sambungan 5G, sistem e-Pembayaran dan identiti digital, melalui pelancaran BruneiID yang tidak lama lagi.

Kemajuan ini memastikan Negara Brunei Darussalam kekal di barisan hadapan dalam teknologi baharu, terus menarik pelaburan berkualiti dan memberi manfaat kepada perniagaan, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, termasuk usahawan wanita dan belia.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menyampaikan uapata pada Persidangan Perniagaan Brunei 2025 baru-baru ini.

Pada persidangan tersebut, Yang Berhormat mengongsikan, pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Kuala Lumpur, Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2026-2030 telah dilancarkan sebagai sebahagian daripada Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Pelan Strategik ini, ujar Yang Berhormat, akan menjadi penting dalam membuktikan kerelevanan, daya tahan dan keteguhan ASEAN pada masa hadapan di tengah-tengah trend global yang semakin berkembang ini.

Melengkapi komitmen ASEAN, Negara Brunei Darussalam secara aktif mengambil bahagian dalam usaha integrasi ekonomi serantau yang lebih luas melalui APEC, di mana tumpuannya untuk menggalakkan perdagangan dan kemudahan pelaburan yang bebas dan terbuka serta meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di seluruh rantau Asia-Pasifik sejajar dengan matlamat pembangunan negara kita. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK PENUBUHAN DPMM FC



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj selaku Timbalan Pengerusi DPMM FC berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak penubuhan kelab bola sepak berkenaan (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Julai. - Kelab Bola Sepak DPMM (DPMM FC) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak penubuhan kelab bola sepak berkenaan di Masjid Ash-Shaliheen, di sini. Majlis itu bertujuan untuk menzahirkan kesyukuran atas kejayaan dan pencapaian kelab berkenaan sepanjang 25 tahun penubuhannya dalam arena bola

sepak tanah air serta mengeratkan ukhuwah antara para pemain, mantan pemain dan seluruh warga kelab.

Berangkat ke majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj selaku Timbalan Pengerusi



DPMM FC.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Sementara itu, Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syarif Wafiuddin bin Jemain, yang juga memimpin bacaan Doa Hajat.

Majlis disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Majlis juga diselajarkan dengan penyampaian sumbangan kepada ahli-ahli keluarga tiga orang bekas pegawai kakitangan serta pemain DPMM FC yang telah kembali ke rahmatullah dan dua orang bekas pemain DPMM FC yang ketika ini sedang sakit.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

Majlis turut diselajarkan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awangku Muhammad Rafiuddin bin Pengiran Ramle.

Majlis penuh keberkatan ini diharap menjadi simbol penghargaan atas perjalanan yang

penuh cabaran dan kejayaan kelab bola berkenaan selama lebih dua dekad, selain ia juga merupakan

medan pertemuan antara generasi lama dan baharu dalam suasana penuh keinsafan serta kesyukuran.



Sambutan Ilal Hijrah 1447 terus disemarakkan



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai. - Jabatan Mesyuarat mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 / 2025 Masihi bertempat di Dewan Auditorium,

Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Semangat Hijrah dalam Diri Muslim Sejati' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Ceramah antara lain telah menekankan ciri-ciri yang penting dalam diri Muslim sejati iaitu keimanan, semangat hijrah dan semangat jihad yang tinggi untuk memperbaiki diri dan berubah kepada yang lebih baik.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



Majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh pegawai dan kakitangan dari Jabatan

Majlis-Majlis Mesyuarat. Adapun tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi Tahun Baharu Islam 1447H.

REBUT GANJARAN PAHALA DI BULAN MUHARAM



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyertai Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-189.

balai ibadat di seluruh negara.

Juga menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut serta ialah para Belia Program Akademi Da'wah 5.0 dari Pos Dakwah Kampung Selapon, Daerah Temburong, juga warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, KHEDN, Awang Hassan Baha bin Haji Umar, dari Masjid RPN Kampung Rataie.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Ketua Belia Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Md. Zulkhairi bin Md.

Azamy.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Sejurus selesai Tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Taffiriyah dipimpin oleh Bilal Tingkat II, Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Rashidi bin Hussein.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat I, Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Mahdini bin Kamis.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Amalan seperti puasa, bersedekah dan memberi makanan, yang turut menjadi budaya masyarakat Negara Brunei Darussalam menjelang 10 Muharam, mencerminkan pengagungan terhadap hari ini dan mengharapakan keberkatannya".

Demikian antara inti pati

Tazkirah bertajuk 'Meraih Berkat Dengan Hari Tasu'a dan Asyura' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid, dari Pos Dakwah Kampung Selapon, Daerah Temburong bagi menyerikan acara Munajat anjuran

Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-189 pada malam tadi.

Malam Munajat kali ini disemarakkan oleh warga kerja Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan ahli jawatankuasa takmir serta jemaah dari Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Daerah Temburong dan beberapa buah masjid termasuk surau dan

223 pegawai, kakitangan terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang

Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyempurnakan penyampaian pingat kepada penerima (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis tersebut.

Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Md. Azrol Alim bin Haji Zaini dan diteruskan dengan penyampaian P.K.L oleh tetamu kehormat majlis.

Seramai 223 orang menerima P.K.L pada majlis tersebut, terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan dari Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Penolong Penguasa Kastam di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Awang Azis bin Haji Matali ketika ditemui melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan pingat berkenaan.

Ini jelasnya, satu penghargaan kepada beliau yang selama ini berkhidmat dengan pihak kerajaan sejak tahun 1998. Dengan pengiktirafan berkenaan akan dapat lagi meningkatkan

semangatnya untuk terus tekun berusaha dalam mempertingkatkan keupayaan produktiviti kerja dan seterusnya meningkatkan lagi prestasi pada masa akan datang.

Nasihatnya kepada pegawai dan kakitangan yang masih bertugas pada masa ini, adalah untuk terus berbakti dengan lebih cemerlang serta menggunakan garis panduan etika kerja yang sedia ada untuk terus komited dan meningkatkan lagi mutu serta kualiti kerja, berkhidmat dengan jujur, amanah dan semangat berpasukan.

Seorang lagi penerima, Dayang Suryaty binti Haji Paun yang bertugas di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, menyatakan perasaan amat gembira dan bersyukur atas pengurniaan pingat berkenaan yang mana ia merupakan pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah DYMM atas jasa dan sumbangan

bakti yang telah diberikannya sepanjang berkhidmat dalam kerajaan.

Dengan pengurniaan pingat ini tambahnya, ia adalah sebagai satu dorongan untuk lebih semangat menjalankan tugas dengan efektif, menyiapkan kerja dengan sempurna dan teliti dalam tempoh masa yang ditetapkan, selain berfikir secara kreatif dan memberikan idea-idea yang lebih inovatif untuk meningkatkan prestasi organisasi.

Beliau yang hampir 20 tahun berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM turut mengongsikan, setiap pegawai Perkhidmatan Awam perlu bersikap jujur, amanah, bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai nilai komitmen serta dedikasi yang tinggi dalam menjalankan tugas yang dikanankan.

Selain itu, jelasnya, sentiasa mematuhi arahan ketua selagi tidak bertentangan dengan etika kerja.



DAYANG Suryaty binti Haji Paun yang bertugas di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



PENOLONG Penguasa Kastam di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Awang Azis bin Haji Matali.

KECEMERLANGAN PERLU BERLANDASKAN IMAN DENGAN KEREDAAN ALLAH

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Sempena Ilal Hijrah 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Julai. - Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) malam tadi mengadakan Majlis Ceramah Sempena Ilal Hijrah 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohammad Asyraf bin Haji Bujang.

Ceramah bertajuk 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan yang Mampan' antara lain menyentuh mengenai konsep kecermerlangan menurut perspektif Islam.

Timbalan Mufti Kerajaan menjelaskan bahawa kecermerlangan sebenar tidak boleh diukur hanya melalui pencapaian material atau duniawi semata-mata tetapi mestilah berlandaskan iman, amal soleh dan



keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai contoh, beliau menegaskan bahawa walaupun seseorang usahawan berjaya mengumpul kekayaan yang melimpah ruah, namun jika kekayaan itu diperoleh melalui cara yang tidak halal seperti penipuan, pecah amanah, rasuah atau hasil daripada sumber haram seperti arak, rokok dan penindasan hak orang lain, maka pencapaian itu tidak dianggap sebagai kecermerlangan yang hakiki dalam ajaran Islam.

"Walaupun seseorang itu dilihat berjaya dari sudut pandangan duniawi, namun jika kejayaan tersebut tidak disertai dengan iman dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, maka ia tidak akan

membawa manfaat sebenar di dunia mahupun di akhirat," jelas beliau.

Dalam ceramahnya, beliau turut menyentuh bahawa kecermerlangan boleh dinisbahkan kepada pelbagai peringkat iaitu individu, masyarakat, umat atau negara - dan setiap peringkat mempunyai ukuran tersendiri dalam Islam.

"Jika kecermerlangan itu dinisbahkan kepada individu, ia diukur dari sejauh mana seseorang itu berjaya menjadi hamba Allah yang taat, menjadikan iman dan amal soleh sebagai landasan hidup. Jika dinisbahkan kepada masyarakat, ia bergantung kepada tahap keamanan, keharmonian, keadilan dan integriti sosial. Jika kepada umat atau negara, ia dinilai

berdasarkan sejauh mana ia berjaya menjadi sumber rahmat dan keberkatan Allah kepada seluruh rakyat melalui tadbir urus yang adil, kemajuan seimbang dan nilai Islam dalam kehidupan seharian," ujar beliau.

Timbalan Mufti Kerajaan turut menekankan kewajipan menunaikan zakat sebagai elemen penting dalam menyucikan harta dan memperkukuh integriti umat Islam. Menurut beliau, zakat bukan sekadar sedekah, tetapi merupakan kewajipan fardu ain bagi mereka yang layak.

Beliau melahirkan kebimbangan terhadap golongan yang masih lalai dalam menunaikan zakat disebabkan kesombongan, kealpaan atau kerana terlalu mencintai harta.

"Ada yang menyokong kebajikan dan persatuan, tetapi apabila sampai kepada zakat, mereka enggan menunaikannya. Lebih menyedihkan, terdapat orang kaya yang tidak mampu menundukkan nafsu dan ego dalam memenuhi kewajipan ini. Mereka lupa bahawa keberkatan harta bukan pada jumlahnya, tetapi pada keberkatan yang hanya hadir apabila harta dizakatkan dan digunakan pada jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala," tegas beliau.

Beliau menutup ceramah dengan menyeru agar umat Islam merenungi kepentingan hijrah, bukan sahaja dalam bentuk fizikal, tetapi juga dalam transformasi pemikiran dan pengamalan agama ke arah kehidupan yang lebih cemerlang dan diberkati.

Ceramah Keagamaan semarakkan Sambutan Ilal Hijrah



Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah-Mahkamah Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Julai. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Ceramah Keagamaan sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-Mahkamah Syariah di

ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Hakim Syariah, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Turut hadir, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah,

Hakim-hakim Syariah, penolong-penolong pendaftar, pegawai-pegawai serta kakitangan Mahkamah Syariah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Awang Azmil bin Haji Haris, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awangku Mohamad Azib Azizi bin Pengiran Haji Ismail dan inti sari ayat dibacakan oleh Awang



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syariah hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-Mahkamah Syariah di ibu negara (atas dan kiri).

Mohammad Hafizurrahman bin Awang Haji Majid.

Majlis diserikan lagi dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Sekelumit mengenai Hijrah Rasulullah' yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saharuddin bin Haji Patra.

Majlis yang diungkuayahkan ini merupakan acara keagamaan tahunan yang dikelolakan oleh

Mahkamah Syariah bertujuan untuk sama-sama memperingati peristiwa besar penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah dan di samping itu mengajak pegawai dan kakitangan Mahkamah-Mahkamah Syariah mengambil pengajaran hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tersebut dengan mengaplikasikannya ke dalam kehidupan harian.

PELEPASAN EKSPEDISI PEMBAWA BENDERA KECIL NBD SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Awang Haji Hamidi bin Haji Abdul Wahid.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Daerah Brunei dan Muara, diikuti dengan pengagihan bendera-bendera dan penyampaian sijil-sijil

penghargaan kepada Pengiran Haji Qahar bin Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit selaku Ketua Ekspedisi dan para peserta ekspedisi, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pelepasan Ekspedisi 79 Orang Pembawa Bendera Kecil NBD bagi Tahun 2025 yang diadakan di Entrance The Mall Gadong (kanan dan bawah).



KSSUP anjur Sambutan Ilal Hijrah 1447, Doa Kesyukuran



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 dan Majlis Doa Kesyukuran bagi Jemaah Haji di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 dan Majlis Doa Kesyukuran.

Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Semarak Hijrah mencapai Kecemerlangan Yang Mampan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Asyraqal daripada gabungan pendikir KSSUP dan bacaan Doa Kesyukuran bagi menyambut kepulangan jemaah haji yang terdiri daripada warga kementerian.

Adapun tujuan majlis ini diadakan adalah aktiviti tahunan


Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengendalikan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:

<https://moh.gov.bn/>



KSSUP untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ilal Hijrah di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

B2K LANCAR BUKU ANTOLOGI SAJAK CINTA DAN CITA NEGARA



Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 5 Julai. - Badan Kesenian dan Kebudayaan (B2K) Daerah Tutong baru-baru ini telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Antologi Sajak Cinta dan Cita Negara, bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku tersebut ialah Pengarah Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga Ketua Kampung Sengkarai, selaku Yang Dipertua B2K.

Acara dimulakan dengan bacaan Tahlil khusus untuk Ahli-ahli B2K yang telah kembali ke rahmatullah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Dr. Chong Ah Fok yang antara lain menjelaskan, buku Antologi Sajak Cinta dan Cita Negara tersebut menghimpunkan karya anak-anak bangsa dengan penuh rasa cinta dan tanggungjawab terhadap tanah air tercinta.

Tambahnya, antologi tersebut bukan sekadar himpunan puisi

tetapi ia adalah suara jujur daripada 20 penulis mapan dan baharu, kebanyakannya dari Daerah Tutong dan Ahli B2K, dan lapan penulis bukan Ahli B2K dan sebilangannya penulis dari Daerah Brunei dan Muara yang mahu menyumbang kepada negara melalui kata-kata, melalui pandangan tentang ekonomi, sosial, budaya, politik, dan agama. Semuanya digarap dalam bentuk puisi yang menyentuh hati dan menggerakkan fikiran.

Buku ini katanya lagi, adalah bersempena dengan dua titik penting, iaitu 40 tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan 20 tahun penubuhan B2K.

"Selama dua dekad, B2K bukan sekadar mencatat, tetapi menilai, membina, dan memperkaya bahan



PENGARAH Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku tersebut (atas dan kiri).

bacaan dalam bahasa Melayu.

"Kami percaya sastera adalah sebahagian daripada pembangunan tamadun Melayu dan ini adalah antara sumbangan kecil kami ke arah itu," ujarnya.

Dr. Chong Ah Fok seterusnya berkata, objektif penerbitan buku tersebut antara lain menghimpunkan buah fikir para penulis yang melihat kelangsungan negara merdeka dan keberadaan B2K bukan sahaja sebagai perakam tetapi penilai.

Penerbitan buku ini juga jelasnya, merupakan sebagai aktiviti Bahagian Bahasa dan Sastera B2K dalam sama-sama membanyakkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu sebagai sumbangannya dalam mengukuhkan perkembangan tamadun Melayu di negara ini.

"Dalam usianya dua dekad, B2K melalui Bahagian Bahasa dan

Sastera telah berjaya, termasuk buku baharu ini, menerbitkan 11 buah buku untuk tatapan anak bangsa dan objektifnya adalah sebagai landasan kepada penulis untuk melihat hasil karya mereka diterbitkan dalam bentuk buku yang akhirnya menjadi sejarah.

"Kebanyakan penulis dalam buku ini belum banyak hasil karyanya yang dicetak dalam bentuk buku, jadi ini adalah merupakan sebagai sumber inspirasi kepada mereka untuk menulis dan seterusnya menerbitkan hasil karya mereka dalam bentuk buku," ujarnya lagi.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan cenderamata kepada para penulis Buku Antologi Sajak Cinta dan Cita Negara.

Majlis juga diserikan dengan deklamasi puisi daripada para penulis dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Hayati semangat hijrah dalam kehidupan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad

PULAIE, Ahad, 6 Julai. - Bagi memperkukuhkan penghayatan



para mualaf terhadap semangat hijrah Rasulullah Alaihi Wasallam, Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam Daerah Brunei dan Muara telah mengukuhkan Majlis Ilal Hijrah 1447 yang diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran sebagai menyemarakkan rasa syukur atas kepulangan jemaah haji dalam kalangan saudara baharu berlangsung di Dewan Persidangan PDI, Kampung Pulaie, hari ini.

Majlis antara lain bertujuan untuk menggalakkan para mualaf agar sentiasa muhasabah diri, memperbaharui niat dan tekad dalam mempertingkatkan amal

PENGARAH PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan). Manakala gambar kiri dan bawah kiri, sekitar Majlis Ilal Hijrah 1447.

ibadah dan pemahaman terhadap ajaran agama Islam.

Ia juga untuk menyeru ke arah mengamalkan nilai-nilai murni hijrah seperti mengeratkan silaturahim, memperbanyakkan amalan kebajikan serta memperkukuh ukhuwah Islamiah.

Antara pengisian majlis termasuk bacaan Doa Kesyukuran, tazkirah 'Penghayatan Hijrah' serta sesi motivasi yang menekankan nilai transformasi rohani dan pemerkasaan diri ke arah amalan hidup yang lebih berkualiti.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Turut hadir, Ahli-ahli Persatuan Nurul Islam, para pelajar Kelas Bimbingan Muallaf, wakil persatuan mualaf lainnya dan juga para pegawai serta kakitangan PDI.

Dengan penganjuran majlis seumpama ini dihasrat akan terus menyemarakkan semangat hijrah dalam kehidupan seharian saudara-saudara baharu di samping meraih limpahan keberkatan serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google Play

MEMUPUK SEMANGAT MENCINTAI, MENGHAYATI AL-QURAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 5 Julai. - Seramai 19 murid Darjah VI Sekolah Ugama Berakas Garrison diraikan dalam satu Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan petang tadi bertempat di Dewan Sekolah Rendah Berakas Garrison.

Majlis tersebut diadakan sebagai penghargaan atas kejayaan para pelajar menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran, di samping memupuk semangat mencintai dan menghayati Al-Quran sebagai panduan hidup.

Penganjuran majlis tersebut adalah antara usaha berterusan pihak Jabatan Pengajian Islam (JPI) dalam mendukung aspirasi kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk

menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai sebahagian daripada amalan hidup beragama serta memperkukuh syiar Islam dalam kalangan pelajar sekolah ugama di negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kolonel Aldi bin Haji Hassan.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Takhtim.

Manakala Doa Khatam dipimpin oleh Awang Muhammad Hamizan Shapawe bin Kamarulzaman.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir dan diteruskan

dengan penyampaian sijil kepada para peserta oleh tetamu kehormat majlis yang diiringi dengan menabur bunga rampai oleh para jemputan dan ibu bapa murid.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Nor Eduan bin Haji Awang Duraman.

PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kolonel Aldi bin Haji Hassan menyampaikan sijil kepada para peserta (kanan), manakala gambar bawah, antara pelajar yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Berakas Garrison.



Cungkil bakat peserta dalam seni pembacaan Al-Quran



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BELAIT, Sabtu, 5 Julai. - Bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk

menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Zikir, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait menganjurkan Musabaqah

PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kanan dan kiri).

Membaca Al-Quran bagi Lelaki dan Perempuan Berumur 40 Tahun Ke Atas bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara.

Pertandingan ini bertujuan mencungkil bakat para peserta dalam seni pembacaan Al-Quran, meningkatkan mutu bacaan ke tahap terbaik dan memupuk budaya membaca Al-Quran sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan harian berteraskan nilai agama, bangsa dan negara.

Di samping untuk melahirkan rakyat yang celik Al-Quran, ia juga memperkasakan peranan masjid sebagai pusat dakwah dan mengembangkan syiar Islam.

Musabaqah Edisi Ke-7 ini diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dengan kehadiran Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad



selaku tetamu kehormat yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang. Turut hadir, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Penganjuran pertandingan seumpama ini dihasratkan akan

dapat melahirkan peserta-peserta yang bukan sahaja mahir dalam pembacaan Al-Quran, bahkan juga berpotensi untuk menjadi contoh dan inspirasi kepada masyarakat Islam. Ini secara tidak langsung, menyemarakkan lagi kecintaan umat Islam di negara ini terhadap kitab suci Al-Quran.

MEMPERKASAKAN BELIA SEBAGAI PENDAKWAH BERILMU DAN BERAKHLAK

Oleh : Khartini Hamir
Foto: Pusat Da'wah Islamiah

TEMBURONG, Ahad, 6 Julai. - Dalam usaha untuk melahirkan pendakwah muda yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia, Badan Sukarelawan Belai Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pagi tadi mengunghayahkan Akademi Da'wah 5.0.

Pelaksanaan melalui sesi ketiga yang mengambil tempat di Pos Dakwah Kampung Selapon untuk selama dua hari satu malam bermula pada 5 Julai dan berakhir hari ini.

Antara pengisian utama sesi ketiga di hari terakhir ini ialah Tazkirah Dhuha bertajuk 'Lima Waktu Bersama Syurgaku' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali.

Sesi tersebut menyentuh mengenai kepentingan pemantapan rohani dalam kalangan belia agar mereka bertindak sebagai ejen perubahan yang positif dalam masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar, bagi menyokong usaha pembangunan sahsiah belia Islam di daerah berkenaan.

Acara juga diisikan dengan beberapa aktiviti berkebakikan antaranya bengkel solat, aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk kampung dan kawasan



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Akademi Da'wah 5.0 (atas), manakala gambar bawah kanan, antara aktiviti yang diadakan.

sekitarnya serta sesi Qiamullail dan solat berjemaah.

Aktiviti-aktiviti sedemikian berperanan dalam memupuk semangat ukhuwah dan penghayatan Islam secara menyeluruh dalam kalangan para peserta.

Program ini juga turut menekankan akan peri mustahaknya berdakwah berpandukan ilmu dan akhlak sejajar dengan tema utama akademi iaitu 'Berdakwah Dengan Ilmu dan Iman, Berakhlak Mulia Jadi Da'ie Tauladan'.

Sesi kali ini merupakan

kesinambungan kepada program berstruktur yang dianjurkan oleh Akademi Da'wah 5.0 dengan objektif jangka panjang untuk melahirkan pendakwah yang berdaya tahan, bersifat inklusif dan mampu menyantuni pelbagai lapisan masyarakat termasuk muallaf serta komuniti di luar bandar.

Dengan penglibatan aktif para belia dalam Akademi Dakwah ini adalah dihasrat agar nilai-nilai dakwah terus berkembang subur dan menjadi amalan budaya dalam kehidupan harian generasi muda Islam di negara ini.



Delegasi NBD sertai Program Latihan Fakulti TVET China-ASEAN 2025

BERAKAS, Ahad, 6 Julai. - Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Negara Brunei Darussalam (The National Chamber of Commerce and Industry Brunei Darussalam - NCCIBD) telah mengumumkan penyertaan rasmi tiga profesional cemerlang dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Program Latihan Fakulti Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) China-ASEAN 2025, yang dianjurkan oleh Institut Vokasional Ekonomi dan Perdagangan Guangxi (GXETVI), Republik Rakyat China.

Delegasi terpilih telah berlepas pagi ini untuk memulakan latihan dalam pelbagai bidang khusus, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi memperkukuh kerjasama serantau

dan meningkatkan piawaian TVET di seluruh ASEAN dan China.

Yang Dipertua NCCIBD, Awang Haji Abdul Saman bin Ahmad bersama Setiausaha Agung, Pengiran Md. Fakhruddin bin Pengiran Haji Hamdillah telah hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan penghargaan dan kata semangat kepada para peserta sebelum berlepas.

Penyelarasan program ini turut dijalankan bersama Allan Yang, yang juga menugaskan perwakilan beliau untuk mengiringi delegasi NBD ke destinasi.

Beliau merupakan tokoh serantau yang memegang beberapa jawatan penting termasuk Pengerusi Asia Pacific Industry and Education

Development Alliance (APIEDA), Pengerusi Lanmekong China Education Training Promotion Alliance (LCETPA), Ketua Wakil Dewan Perniagaan dan Industri Negara Laos di Chongqing (LNCCIC).

Delegasi yang akan mengikuti latihan fakulti antarabangsa di Nanning, Guangxi, China itu sehingga 16 Julai ini nanti antaranya ialah Dayang Juwairiyah Haji Sariffudin akan mengikuti Bengkel Yilu - 'Smart Apparel' dan Fesyen Digital.

Bengkel tersebut mengandungi beberapa latihan seperti pendedahan kepada industri 4.0, sistem pembuatan pola pintar, jahitan berasaskan AI, simulasi kilang kembar digital, reka bentuk fesyen lestari serta lawatan industri dan juga bengkel warisan.

Sementara Dayang Hajah Asdina binti Haji Mohamad Arif yang dalam bidang pemasaran digital, e-dagang atau runcit menerusi E-Commerce Valley - Live-streaming and Cross-border Marketing.

Latihan kursus beliau mengetengahkan strategi penstriman langsung, pemasaran TikTok, alat perdagangan rentas sempadan, Integrasi AI dalam perniagaan dalam talian serta Lawatan ke 500 hab teknologi Syarikat Fortune.

Sementara latihan di Sekolah Yi Yin : Seni Kulineri Cina pula bagi Dayang Faridah binti Haji Mohd. Taufik menerusi Bidang F&B atau pendidikan kulineri.

Kursus latihan tersebut antaranya meliputi seni tradisional

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

doh dan pastri Cina, sistem latihan kulineri yang dalam piawaian dan juga penghayatan budaya warisan kulineri Guangxi.

Mereka dipilih berdasarkan profesionalisme yang tinggi, kepimpinan industri yang menonjol, serta komitmen untuk

menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Penglibatan mereka dalam program ini juga menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 dan memperkukuh kerjasama ASEAN-China dalam pembangunan tenaga kerja.



YANG Dipertua NCCIBD, Awang Haji Abdul Saman bin Ahmad bersama Setiausaha Agung, Pengiran Md. Fakhruddin bin Pengiran Haji Hamdillah hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta.

Bantu kesan Muhammad Zulfadli Safwan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



MUHAMMAD Zulfadli Safwan bin Haji Abd. Rahman.

SENGKURONG, Sabtu, 5 Julai. - Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sengkurong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki autisme yang telah keluar rumah, iaitu Muhammad Zulfadli Safwan bin Haji Abd. Rahman, berusia 36 tahun dengan nombor Kad Pengenalan 01-036538 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.

MENGGALAKKAN PENYERTAAN BELIA DALAM SEKTOR PERTANIAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai. - Seramai 19 peserta daripada kalangan belia sektor swasta, akademik dan individu persendirian yang berpotensi menceburi bidang pertanian moden menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Pendedahan Belia-belia yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-10, petang tadi.

Majlis anjuran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) tersebut diadakan di Pusat Perkhidmatan dan Latihan Lepas Tuai, Pejabat Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Awang Abuzar bin

Haji Mohd. Tahir.

Awang Abuzar dalam ucapannya menzahirkan rasa syukur kerana para peserta dapat menimba ilmu pengetahuan melalui peluang-peluang pelaburan di bidang industri tanaman, pengurusan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan melalui penggunaan sistem hidroponik dan fertigasi, latihan pengurusan pemasaran dan kewangan serta perusahaan pertanian menggunakan teknologi tinggi.

Beliau juga berasa gembira kerana para peserta berkesempatan membuat penempatan di ladang dan berinteraksi serta mengetahui dengan lebih dekat ke ladang-ladang pertanian yang telah lama berkecimpung dan berjaya menceburi bidang perusahaan pertanian di samping ladang-ladang alumni program belia yang lepas yang telah berjaya

PENYAMPAIAN sijil kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Awang Abuzar bin Haji Mohd. Tahir (kiri dan kanan).

mengusahakan tapak pertanian melalui penghasilan tanaman seperti cili menggunakan sistem teknologi moden.

Dalam program tersebut katanya, para peserta telah didedahkan senario yang sebenar rangkaian *value chain* pasaran dari ladang, iaitu satu komponen yang amat penting dalam strategi pengendalian pemasaran serta pengurusan pasaran hasil ladang sebagai satu platform atau rangkaian antara pengusaha dengan pembekal atau terus kepada pelanggan.

Dengan berakhirnya program kali ke-10 ini tambahnya, diharap para peserta belia untuk lebih berkeyakinan menceburi diri dalam sektor pertanian secara persendirian atau perladangan kontrak (*contract farming*) dan tidak secara langsung akan dapat mendukung usaha meningkatkan hasil pertanian tempatan dan juga pasaran eksport serta dapat mencapai objektif program tersebut bagi melahirkan para belia usahawan pertanian yang penuh komitmen, progresif, inovatif, kreatif dan produktif bagi sama-sama menyumbang ke arah peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam sektor pertanian pada masa yang terdekat.

Program selama sembilan hari tersebut berlangsung dari Isnin, 23 Jun 2025 hingga Sabtu, 5 Julai



2025, merupakan inisiatif kementerian dalam menggalakkan penyertaan belia dalam sektor pertanian, khususnya dalam bidang pertanian berasaskan teknologi tinggi.

Sepanjang program dijalankan, para peserta mengikuti sesi taklimat dan penempatan di ladang-ladang terpilih.

Antara topik yang dikongsikan termasuk peluang pelaburan dalam pertanian, teknologi hidroponik dan fertigasi, kawalan penyakit dan musuh perosak tanaman, proses permohonan tapak pertanian serta pendaftaran perniagaan.

Turut terlibat ialah agensi-agensi seperti Bahagian Biosekuriti dan Akses Pasaran (BIOSMA), KSSUP; Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Persatuan Peladang Pertanian Brunei (PPPB); Bank Islam Brunei

Darussalam (BIBD); Bank Usahawan; Brunei Economic Development Board (BEDB); KN Nursery dan Akmal Asmaan Agriculture Farm.

Antara lokasi ladang penempatan ialah Hua Ho Agricultural Farm, Harvest Moon Trading, Akmal Asmaan Agriculture Farm, Gropoint Sdn. Bhd., Food United, dan Natural Healing Enterprise.

Melalui pendekatan tersebut, para peserta didedahkan kepada sistem pengeluaran moden dan peluang perniagaan berkaitan pertanian, termasuk akses pasaran domestik dan eksport.

Program seumpamanya diharap dapat melahirkan generasi usahawan pertanian muda yang progresif dan menyumbang kepada peningkatan KDNK sektor pertanian negara.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah ketua-ketua bahagian serta pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat

Berita dan Foto : Ihsan Pemangku Penghulu Mukim Seria

SERIA, Sabtu, 5 Julai. - Majlis Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025 bagi kawasan Mukim Seria berlangsung dengan penuh tertib dan semangat patriotik baru-baru ini bertempat di Pejabat Daerah Cawangan Seria.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyerahan bendera kepada wakil kampung, seterusnya pengibaran Bendera NBD dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Acara diteruskan dengan ucapan daripada Pemangku Penghulu Mukim Seria, sebelum diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Kampung Panaga 'A' / Pemangku Penghulu Mukim Seria bersama isteri; Ketua Kampung Panaga 'C', wakil Ketua Kampung Panaga 'B', Ketua Kampung Lorong Tengah Seria, Ketua Kampung Lorong 3 Selatan Seria, dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panaga 'A', 'B',

'C'; Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong 3 Selatan, Lorong Tengah dan Mukim Seria; wakil Persatuan PERTIWI Cawangan Kuala Belait, Ahli Baden Powell Guild (BPG), dan Imam Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria.

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan semua pihak yang telah menjayakan acara tersebut, khususnya kepada Awang Zairol, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Daerah; Unit Kemajuan dan Pembangunan Daerah serta pihak Borneo Bulletin atas liputan media dan sokongan berterusan.

Majlis tersebut menjadi simbol kasih dan taat setia rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Mukim Seria. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik.



MAJLIS Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam bagi kawasan Mukim Seria di Pejabat Daerah Cawangan Seria.

سرور عالمی

منجاك حق جیړن تنك

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوی له کیت کحضرة الله ﷺ دغڼ منيغڼکن کلیمان کښل. مسڅوکن اورغ ښغالغ ميا دسيسې الله ﷻ ايت اياله اورغ ښغالغ برتقوی. موده-موده کيت منجادي انسان ښغالغ ستياښ مغليغې الله ﷻ براوله کيآن دان کسلامن دننيا دان جوک داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

کیت هیدوٲ ددنيا اين ساليغ مملوکن انتارا ساتو سام لاین، کران ایله اکام کیت مغاٲورکن اوٲمن اونٲوق سٲٲٲاس متجاك دان ملههارا هوٲوغن فرسوداران یغ بایک سسام منسی تشا مغیرا اکام، فقکت ماهوٲون بغسا تراٲامن دغن جیرن تنگ.

سسوځكوهن مغايرتكن دان مملهارا هوپوغن دغن جرن تنغل اذاله
ساعت فتيع. اين كران جرن اومقام سودارا بغ دكت دان برادا قد كدودوقن
بغ فاليع موده اونوق كيت ساليغ بنتو-مبنتو، افانه لاکي دغن اذان سيكف
كسمران دان ساليغ فمدولين، اي دافت منحاديكن كهيدوقن بر مشاركت دان
برنكارا ايت لبيه يرساتو-قادو دان هرموني سرتا جاوه دري سبارغ
فرسوخيتان دان فرموسوهن. درقد عبدالله بن عمرو رضي الله عنه، رسول الله
صلی الله علیه وسلم برسيد: **خَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِصَاحِبِهِ، وَخَيْرُ الْمَجْرِمِينَ**
عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِجَارِهِ.

مقصودن:

سبايك-بايك نمڻ دسيسا الله ايلاله اورغ يث بايك ترهادف صحابتن.
مانڪلا سبايك-بايك جيون دسيسا الله ايلاله اورغ يث قالبع بايك دغن جيون.
{حديث رواية إمام ترمذي}

جماعه يع درحمتی اللہ،

دالم كونتينكس منجاك هوبوغن صلة الرحيم نسام جيون، جاعغله
سكالي-كالي كيت مهايي هاتي مريك، سام اد دغن فراكاتان، قريوان
ماهورون تيغكه لاکو يع بوليه ميغکوغ فراسان نسام جيون تنغك.

این ترما سوله دالم فرکارا منحاك كبرسيهن دكاوسن ققت كيت تيغكل
 اتاو كاوسن جبرن يغ تيغكل بزدكن دغن كديامن كيت، انتاران سقرتي تيدق
 مبياركن رومقوت اتاو فوكوك-فوكوك دهلامن رومه تربيار سبهنگ مغلگكو
 كاوسن اتاو هلامن رومه جبرن، مبياركن سقه-سارق برلوعكوك دان برسيفه
 سبهنگ مغلواركن باو يغ بوسوق دان تيدق مينگكن.

سلاين ايت، ياپت باكي منحاك كنترامن دان كهرومين هيدوف
برجهرن، كيت جوك هندقله فكا دان سستياس مغممالكن سيكف برتولق انسور
سقرتي تيدق بمباركن بيناتق ترناكن دان فليهاران بركلياران، افاته لاکي
سهيقك ماسوكي كاوسن دان هلامن رومه جهرن سرتا مېوات كوتور اتاو
مروسفكن بوغا، تاغن اتاو هرتا بندا جهرن دان ايلقكلنه بربوات بيسخ اتاو

هیسورن یغ کتولان سهیغک لاروت مالم یغ بولیبه مبیکن جرن براس
نرنگکفو دان سوکر اونوق براسیریخه. درفد ابو شرنج ﷺ، رسول الله
ﷺ برسیدا: **وَالله لَا يُؤْمِنُ، وَالله لَا يُؤْمِنُ، وَالله لَا يُؤْمِنُ.** قیل: **وَمَنْ يَا**
رَسُولُ الله؟ قَالَ: الَّذِي لَا يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقَهُ.
مقصود:

مقصودن:

دمي الله اورغ ايت تيدق برلمان، دمي الله اورغ ايت تيدق برلمان، دمي الله اورغ ايت تيدق برلمان. لالو ساورغ للاكي فون برتان سيافاكه اورغ ايت واهاي رسول الله؟ بكيندا فون منحواب: اورغ يغ جيونن تيدق براس امان درقد كجاهتن. {حديث رواية امام بخاري}

جماعه يع در حمتي الله،

دالم کھیدوئن برجیرن، اد حق دان تغکو غجواب یغ مسنی کیت
توینکن. امام الغزالی دالم کتاب: "إِخْيَاءُ عُلُومِ الدِّينِ" اد مپیوتکن بیراف حق
دان تغکو غجواب تر تنو یغ فرلو دلفسانکن، انتراوا ایاله:

فرقام: مولاکن مہری سلام کفد حیرن.

كدوا: منزيارهي جيون ڪتيڪ ساڪيت دان مڦوچفڪن تعزیه ڪتيڪ برلاکو
ڪماتين..

كەيىك: جاغىن تىرلەلۈ بىر تاش تىشەنە - ھال - ھال قىيىداي جىيەن.

کامفت: معافکن شکل کساحن دان کسلاقن حیرن.

کلیم: منوتوف کعبین یغ ہرلاکو قد حیرن.

کام: سنٹیاس برسیکف مله لموت ترهادف أنق-أنق جیرن.

کتوجوه: سنتیاس مہنتو جیون اقبیل دتیمقا مصیبت.

کلافن: تیدق میاکیٔ دان مپوسهکن جیرن سام اد دري سکی فرکاتان،
فرپوانن ماهوون تیغکه لاکو.

کسمیلین: جاغئلہ ترفقاروہ دغن کات-کات اورغ یغ جوہا ممبوروق-
بوروقکن جیرین.

کسقولوه: جاشن مېمښتکن څر جالنن منو جو کرومه جیړن.

سسوځکوڅهن اکام کيت مغاجورکن اومتن اوتوق سنتياس ملاکوکن کيايکن کفد جيون تنقا مغرا اکام ماهوقون بغسا. عمالن حرمت مغحرمي، بنتو مبيتو دان ساليغ برتوقل انسور سسام جيون اکن دافت منجادايکن کهيدوق بر جيون لبه هرموني، سجهرا دان اخيرث اکن ماهيرکن مشارکت، بغسا دان نگارا يث قوات دان برساتو-فادو.

جماعه یغ درحمتی الله،

سلاکو ساورغ مسلم، سباکيمان کيت دوتنوت اوتنوق مغھلورکن
بتوان کفد اورغ يغ ممرلوکن فرتولوغن، بکيتوله جوک دالم کييدوفن برجيرن.
جک کيت مغھوي کسوسهن يغ دھادئي اوليه جبرن، کيت ھنقله
مغھلورکن بتوان.

بنتوان یغ دمقصودکن بوکن ساج تر باتس کفد بنتوان یغ بر بنتوق
کواغن دان ماتیرال ساج، بهکن ترماصوله جوک بنتوان تئاگ، کرجاسام دان
بواه فیکیرن، جوتوهن مینجمنکن کاوسن رومه، مهر سیهکن کاوسن سکیژن
دان سباکاین کتیک جرن مغاداکن مجلس کتدوری دان بکیتو جوک کیت
هندقله مهر یکن بنتوان دان سوکوغن کفد جرن جک مریک دتیمفا مصیبه
مقرتی افیل برلاکون کما تین، کباکرن دان ساومقامان. عمان سبکینی دافت
موفوک سیکف برکاسیه سایع دان حرمت-معهر متی سسام جرن تنقل. درقلد
أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بِرَسِيدَا: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ.

مقصود:

بارغسیاف یغ بر ایمان دغن الله دان هاري أخیره مك هندقله اي مولیاكن
 جهرنن. { حدیث روایة امام مسلم }

اوتتوق مېيىنا دان مغلكلن ھوبوغىن يىغ بايك دىغن جىرن تنىك كىت،
بوكىلە ساتو ڤركارا يىغ سوكر. اين كران اف يىغ قىتىغ ايالە كىت ھندقلە
ستىياس مغلكلن بودي ڤكرتي دان تىشكە لاکو يىغ مليا. اوليه يىغ دىمكىن،
سكىران سىماو اين دافلىكاسي دان دىمالكن دام كېيىدوفن برجىرن، ان شاء الله،
كىت اكن دافت مېجافي نىمىت كېيىدوفن يىغ ھىروني، امان داماي، بېاكييا
دان برسائو قادو.

آخرين، ماريله کيت سام-سام براوسها ميمينا کهيدوفن پرجون مٿيکوت
اجرن دان شعار اسلام. موده-مودهن دغن يټ دميکن، اي دافت ملاهيزکن
مشارکت يټ هروموني دان سجهټا، آمين يا رب العالمين.

تفسیر ث:

دان سيمهله الله دان جاغله كامو ممرسكو توكتن دغن سواتو اف فون.
 دان بربوات بايكله كقد ايوو باف، قوم قربات، انئي-انئي يقيم، اورغ-اورغ
 ميسكين، جيون تنغك يغ دكت، جيون تنغك يغ جاوه، راكن سجاوات،
 اورغ-اورغ مسافر يغ ترلنت دالم فرجالنن (يغ ترفوتوس فربلنجانن) دان جوڭ
 همبا يغ كامو ميليكي. سسوغكوهن الله تيدق ميوكاي اورغ يغ سومبوغ دان
 ميمبغا-بمبكاكن ديرى. { سورة النساء آية: ۳۶ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرِ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيمَا قُورِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا لِحَاجَةِ الْتَائِبِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّاعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايَبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III –
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)

Bagi Daerah Temburong

Penghulu Mukim Zon 2

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut: -

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada **Sabtu, 6
Rabiulawal 1447 bersamaan 30
Ogos 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119
atau +673 5221110.

Mukim-Mukim Tadahan Jawatan
Kosong Bagi Penghulu Mukim
Zon 2, Daerah Temburong: -

Mukim Bokok
Mukim Amo



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
14 / JULY / 2025 / KKBS / PJK /
16.43

Tajuk Sebut Harga:
Anti Termite Treatment For
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Main Office,
Jalan Kebangsaan,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 24 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Tarikh Tutup Lanjutan

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025-2026 / 2

Tajuk Tawaran:
Consultancy Services:
Development And Implementation
Of Hotel Star Ratings Standard
For Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

Membekal Dan Menghantar
Printer, Spare Ink Dan Drum
(JBP / TSH / 12 / 2025-2026)

Physical Test And Hydrostatic Test
Breathing Apparatus Cylinder
(JBP / TSH / 21 / 2025-2026)

Membaik Pulih GPV 5 BG 2007
(JBP / TSH / 22 / 2025-2026)

Maintenance And Repair Of 1
Unit Bronto Hydraulic Platform
(JBP / TSH / 23 / 2025-2026)

General Overhaul Mitsubishi
Pajero BG 3066
(JBP / TSH / 24 / 2025-2026)

Membekal Dan Menghantar
Alat-Alat Tulis
(JBP / TSH / 25 / 2025-2026)

Repair Of Main Pump
Bearing Shaft Mercedes
Atego BG 8009
- Retender -
(JBP / TSH / 06 / 2025-2026)

General Repair Of Volvo
FL10 Bg 8946
- Retender -
(JBP / TSH / 08 / 2025-2026)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
31 Julai 2025.
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(67) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Kamera
Dan Lensa

Bilangan Sebut Harga:
(68) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Aksesori
Penggambaran

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
17 Julai 2025.
Jam 8.00 Pagi.



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran Bagi
The Supply, Delivery and
Installation of New Fence with
Barbed Wire,
Repainting of Wind Mast
and ELCB Shelter, And
Replacement of Outdoor
Signage for The Low-Level Wind
Shear Alert System (LLWAS),
Brunei Darussalam
Meteorological Department

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2025 / SH-09

Tarikh Tutup:
Rabu,
16 Julai 2025.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1 / Aras Permukaan,
Blok B23 Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Bilangan Tawaran:
11 / BBS / SH / 2025 – 2026

Keterangan Projek:
Repair Of Roof Leak And Water
Proofing Work Bangunan Utama
Jabatan Bandaran Kuala Belait
Dan Setia, Jalan Mckerron,
Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
12 / BBS / SH / 2025-2026

Keterangan Projek:
Repair And Reinstate Sinking
Road Surface And Manhole At
Jalan Bunga Tanjung Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Tawaran:
RTB / K / 45 / 25 – 26
Penyediaan Kursus "IOSH
Managing Safely"
Bagi Ahli-Ahli HSE RTB

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 23 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Nama Dokumen Sebut Harga:
Pembekalan Buku-Buku Bagi
Perkhidmatan Perpustakaan
Bergerak Dan Berperahu
Perpustakaan Dewan Bahasa Dan
Pustaka Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Sebut Harga:
13 / DBP / SH / 2025-2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 29 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0009 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of Laboratory
Consumables For Aquatic Animal
Health And Laboratory Services
Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0010 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of DNA /
RNA Extraction Chemicals And
Reagents For The Detection Of
Fish Diseases

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of
Chemicals, Reagents And
Laboratory Apparatus For Water
Quality And Red Tide Laboratory

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
24 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.





**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 040 / 2024

Tajuk:
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV/415V Di Jana Kuasa
Gadong #2 Hingga Stesen
Pensuisan Utama Baru
Airport Lama
Di Daerah Brunei – Muara

Tarikh Tutup:
5 Ogos 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND1000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan
Dalam kelas IV, V atau VI sahaja,
dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 040 / 2025

Tajuk:
Maintenance Of Pole Mounted
And Column Below 10m Street
Lightings For Mukim Berakas,
Kianggeh And Kota Batu For A
Period Of Three (3) Years

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 041 / 2025

Tajuk:
Maintenance of Pole Mounted and
Column Below 10m Street
Lightings for Mukim Gadong,
Mukim Kilanas And Mukim
Lumapas For A Period of
Three (3) Years

Tarikh Tutup:
5 Ogos 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawara Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Kompleks Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Buka Tawaran pada:
7 Julai 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
21 Julai 2025 (Isnin)

Tarikh Tutup Pada:
21 Julai 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi

(Ditutup di Tingkat 1, Jabatan
Alam Sekitar, Taman dan
Rekreasi, Bangunan Tumasek
Plaza, Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan BA1910,

Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / QTN040 / 2025
Penyewaan Sebuah Restoran
Untuk Perkhidmatan Sajian
Makanan Laut (SEAFOOD) Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun Di Taman
Rekreasi Persiaran Damuan,
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

No. Projek:
JASTRE / QTN040 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHEU / JPI / JKS / CCTV
(SA RIPAD) / 2025-2026

Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Memasang Sistem Pengawasan
CCTV Bagi Sekolah Arab Raja
Isteri Pengiran Anak Damit Di
Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1446H - 1447H /
2025 - 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 5 Safar 1447H /
30 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 05 / 2025-2026

Keterangan:
Membekal, Menghantar Dan
Memasang Papan Tanda Bagi
Merokok Bagi Sekolah-Sekolah
Arab Dan Ugama,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1446H-1447H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
27 Muharam 1447H /
23 Julai 2025M.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / K01 / 2025-2026

Keterangan:
Membekal, Menyediakan dan
Memasang Papan Tanda Bagi
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian Hal
Ehwal Ugama, Tahun
1446H-1447H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
20 Muharam 1447H /
16 Julai 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



جابون كاجي چولجا بروني دارالسلام



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:
The Provision of Security Guard
Services for the Headquarter of
Brunei Darussalam
Meteorological Department,
Ministry of Transport And
Infocommunications,
Negara Brunei Darussalam.**

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-11

Tarikh Tutup:
Rabu,
23 Julai 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan
BB3713
Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 48 / 2025 / 2026
[BPPA-JULAI-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Sekolah Rendah Kampong Bukit
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND20.00 Sebulan

DA / JKSH / 49 / 2025 / 2026
[BPPA-JULAI-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Sekolah Rendah Bukit Panggal
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND63.00 Sebulan

DA / JKSH / 50 / 2025 / 2026
[BPPA-JULAI-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND1,015.00 Sebulan

DA / JKSH / 51 / 2025 / 2026
[BPPA-JULAI-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Sekolah Menengah Menglait,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.



Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND996.00 Sebulan

DA / JKSH / 52 / 2025 / 2026
[BPPA-JULAI-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Sekolah Menengah Sayyidina Umar
Al-Khattab,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND799.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 19 Julai 2025
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas
Dibukakan Khas Bagi Warga Negara
Dan Penduduk Tetap Negara Brunei
Darussalam, Pemilik Syarikat/Premis
Syarikat Hendaklah Beralamat
(Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17) Di
Tempat Kantin Berkenaan Bertapak.
Sebagai Contoh, Hanya Pemilik
Syarikat / Premis Syarikat Yang
Beralamat Di Daerah Belait Yang
Dapat Dipertimbangkan Untuk
Mengendalikan Kantin Di
Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di
Daerah Belait.



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / T / 04 / 2025

Membaikpulih Jambatan Kayu,
Mengganti Penyucuk, Gelagar
Dan Lantai Kayu Bertempat
Mukim Peramu Dan Mukim Tamoi
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berddaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas :
III, IV dan V

Kategori :
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
Isnin, 7 Julai 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 29 Julai 2025.

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 5 Ogos 2025
Sebelum jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T006 / 2025 (R)
Kerja-kerja Pemeliharaan Landskap
di Lebuhraya Sultan Haji Hassanali
Bolkiah, Negara Brunei Darussalam
bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T006 / 2025 (R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
13 / JUL / 2025 / KKBS / PJK /
16.105

Tajuk Sebut Harga:
Replacement Of Cubicle Toilet
Door At Block 2 And Block 5 For
Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp (PKBN),
Batu Apoi, Temburong.

Tarikh Tutup:
Khamis, 17 Julai 2025.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berddaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR/DBSKB/021/2025

Nama Projek:
Pembekalan Dan Pemasangan
Pam-Pam Pembetungan
(Wet-Well And Dry-Well)
Di Stesen Pam Daerah Belait –
Kumpulan B

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-007

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran Pada:**
Selasa,
8 Julai 2025.

Tarikh Tutup:
Selasa, 22 Julai 2025.
(Tidak lewat 2.00 Petang)



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISYEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Notis Sebut Harga

Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q07
Invitation To Renew Krystal
Document Management System -
Technical Support For 1 Year For
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 30 Jun 2025.

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis, 10 Julai 2025.

Tarikh Tutup:
Isnin, 14 Julai 2025.
Jam Sebelum 9.00 Pagi.



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / SB0033 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan
Dan Penyajian Jamuan
Bagi Majlis Khatam Al-Quran
Dan Doa Kesyukuran
Sempena Hafl Al-Takharruj Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0034 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan
Dan Penyajian Jamuan
Bagi Majlis Mahrajan
Hafl Al-Takharruj Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0035 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan
Dan Penyajian Jamuan Bagi
Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 40 / 25 - 26:
Perkhidmatan Jamuan Aktiviti
Latihan Pusat Perkembangan
Penyiaran Untuk Tempoh
Dua (2) Tahun

**Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 53 / 2025 / 2026
[BPPA-JULAI-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan
Sekolah Bahagian Makan Tengah
Hari Secara Tapau Bagi Sekolah
Rendah Rataie
Kementerian Pendidikan.
Daerah Temburong.
Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : MTT/02
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
12 Julai 2025.
Jam 9.00 Pagi.



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn


BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



IMBASAN MINGGUAN

SUASANA Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



ANTARA persembahan semasa meraikan pelajar cemerlang dari sekolah-sekolah Arab dan agama seluruh negara. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



PERSEMBAHAN semasa Karnival PEKERUPA 2025 'Mapit-Mapit Li Long Belait' (singgah-singgah tah ke Belait) yang berlangsung di kawasan Jalan Sungai Kuala Belait. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



ANTARA keluarga yang menghadiri acara Coffee and Bakes Weekend di Wonderpark Colonnade, Taman Permainan Jerudong yang menampilkan seramai 16 vendor terdiri daripada penjual minuman kopi dan matcha serta pembuat kek dan cookies yang tidak asing lagi di negara ini. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

AKSI para pemain pada Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BENGKEL KETENGAHKAN PENCEGAHAN, PENGURUSAN BERAT BADAN BERLEBIHAN, OBESITI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



BENGKEL ini dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan menghimpunkan pakar dan profesional kesihatan daripada pelbagai jabatan di bawah Kementerian Kesihatan (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Julai. - Kementerian Kesihatan telah mengendalikan Bengkel Kedua Untuk Merangka Pelan Strategi Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti selama dua hari bermula 1 Julai hingga 2 Julai 2025 bertempat di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Bengkel ini dijalankan dengan

kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan menghimpunkan pakar dan profesional kesihatan daripada pelbagai jabatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Obesiti adalah salah satu faktor risiko utama bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, kencing manis, tekanan darah tinggi dan beberapa jenis kanser. Punca obesiti adalah kompleks dan dipengaruhi oleh



pelbagai faktor seperti genetik, psikologi, budaya, sosial dan persekitaran yang menyumbang kepada amalan pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang serta gaya hidup yang kurang aktif.

Oleh itu, obesiti bukanlah semata-mata tanggungjawab individu, sebaliknya memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan seluruh masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan menitikberatkan langkah-langkah pencegahan dan pengurusan berat badan

berlebihan dan obesiti di setiap peringkat kehidupan. Bengkel ini merupakan kesinambungan kepada bengkel pertama yang telah diadakan pada bulan April 2025.

Objektif utama bagi bengkel ini adalah untuk mengenal pasti tindakan-tindakan utama bagi penyepaduan dan perluasan perkhidmatan kesihatan, khususnya dalam usaha memperkukuh pencegahan serta pengurusan berat badan berlebihan dan obesiti merentas semua peringkat umur dan seluruh

sistem kesihatan.

Antara fokus utama bengkel ini termasuk perbincangan secara komprehensif mengenai garis masa pelaksanaan, cabaran serta cadangan penyelesaian bagi melengkapkan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Hasil daripada bengkel ini akan menjadi pemangkin penting dalam merangka Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Negara Brunei Darussalam.

Khatam Al-Quran raikan 17 murid Darjah VI SU Panchor Murai

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

PENGKALAN BATU, Sabtu, 5 Julai. - Seramai 17 murid Darjah VI Sekolah Ugama (SU) Panchor Murai diraikan dalam satu Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan SU Panchor Murai, petang tadi. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada para pelajar yang berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noor Rasidah binti Haji Sharbini.

Majlis Khatam Al-Quran ini diungkuhkan dengan hasrat

untuk melahirkan generasi celik Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan berterusan dalam kehidupan beragama. Ia juga merupakan salah satu usaha JPI untuk memperkukuhkan syiar Islam khususnya dalam kalangan pelajar di negara ini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Muhammad Nuzul Haqimie bin Junaidi, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Manakala bacaan Takhtim dan Doa Khatam oleh Awang Md.

KETUA Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noor Rasidah binti Haji Sharbini hadir selaku tetamu khas majlis.

Eihaab Mukhtar bin Haji Saiful Bahrin. Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis. Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Md. Hafiz bin Karim.



MURID-murid Darjah VI Sekolah Ugama Panchor Murai yang diraikan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025
2. 'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025
3. 'Media Sosial: Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'. Tarikh Tutup : 23 Julai 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENANAMKAN SEMANGAT GOTONG-ROYONG, PRIHATIN TERHADAP KEBERSIHAN PERSEKITARAN

Berita dan Foto :
Ihsan Awang Muhammad Nurzairie Abdullah Peter



PANAGA, Sabtu, 5 Julai. - Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panaga 'A' baru-baru ini telah berjaya melaksanakan Kempen Pembersihan Kawasan Pejalan Kaki (*footpath*) di Jalan


Kenawai. Inisiatif tersebut adalah usaha bersama MPK Panaga 'A' untuk membersihkan laluan pejalan kaki yang telah lama tidak diselenggara, demi memberikan kemudahan

ANTARA yang turut menyertai Kempen Pembersihan Kawasan Pejalan Kaki (*footpath*) di Jalan Kenawai (kiri dan bawah).

kepada penduduk kampung serta orang awam untuk menggunakan laluan tersebut dengan lebih selesa dan selamat.

Objektif utama kerja-kerja tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti riadah, seperti berjalan kaki atau berjoging, tanpa perlu melalui jalan raya yang lebih berisiko dari segi keselamatan.

Semoga usaha kecil tersebut dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Kampung Panaga serta menanamkan semangat gotong-royong dan prihatin terhadap kebersihan kawasan persekitaran.



ALAI PINTAR 152

SOALAN 7 JULAI 2025, ISNIN

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Berapa jam yang terdapat dalam satu hari?
a) 5 jam
b) 24 jam
c) 10 jam
- Basuh kaki dengan air yang ____ selepas kita bermain.
a) Bersih
b) Hitam
c) Kotor
- Apakah yang berlaku kepada ais apabila dipanaskan?
a) Menjadi sejuk
b) Menjadi gas
c) Mencair menjadi air

TARIKH TUTUP : 14 JULAI 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 151 :

Nama : Ave Mercylla Dorizza binti Donny
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0120554-01. Sekolah : Sekolah Chung Lian, Sungai Liang
Nama : Norfardinah binti Omar
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0136546-01. Sekolah : Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin
Nama : Nadhratu Al-Hasanah binti Rahman
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0007212-12. Sekolah : Sekolah Rendah Sinaut

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 151

- A - Daerah Temburong
- C - Menziarahi atau bertandang ke rumah sanak saudara
- B - 531



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Koleksi Rizal Rasid

MUHAMMAD Rizal Azhiman bin Mohd. Rasid atau lebih dikenali dengan Rizal Rasid, penyanyi tempatan berusia 29 tahun, baru-baru ini berjaya mengharumkan nama negara apabila berhasil menamatkan saingan sebagai pemenang tempat ketiga dalam program realiti nyanyian Big Stage Alpha, sekali gus menjadikan kita begitu berbangga apabila anak tempatan kita telah berupaya membuktikan hasil ketekunan dan semangat yang ditunjukkan di dalam program realiti yang begitu besar di negara jiran kita Malaysia.

Dalam temu bual eksklusif Penulis Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei bersama Rizal berkongsi kisah awal pembabitannya dalam bidang seni, pengalaman pahit manis di pentas Big Stage serta aspirasi masa depannya sebagai penyanyi dan ahli kumpulan OT7 atau lebih dikenali sebagai ALPHA.

Latar belakang, minat seni

Memulakan karier nyanyian seawal usia 17 tahun melalui platform SoundCloud, Rizal berasal daripada keluarga yang meminati muzik. Minatnya semakin berkembang apabila menyertai pelbagai program televisyen di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan akhirnya berhijrah ke Malaysia demi meraih cita-cita serta mengembangkan kariernya dalam dunia seni.

Antara figura yang banyak mempengaruhi gaya nyanyiannya termasuklah Afgan, Hael Husaini dan Anuar Zain, yang menurutnya bukan sahaja mempunyai kekuatan vokal tetapi juga karisma juga aura luar biasa ketika beraksi di pentas.

Minat yang mendalam terhadap dunia nyanyian telah mendorong anak jati Brunei kita ini meninggalkan kerjayanya sebagai pramugara demi mengejar impian sebagai seorang penyanyi. Rizal mula mendapat perhatian setelah video nyanyiannya yang dimuat naik di media sosial mendapat

sambutan hangat.

Selain memiliki suara yang merdu dan rupa paras yang tampan, Rizal juga berbakat dalam bermain gitar dan piano. Beliau turut menghasilkan sebuah single berjudul 'Cukup' yang telah dipilih sebagai lagu tema asal bagi sebuah drama televisyen tempatan di Malaysia.

Usahanya ternyata berbaloi apabila video muzik rasmi lagu tersebut berjaya meraih lebih daripada satu juta tontonan, sekali gus mengukuhkan kehadirannya dalam industri muzik.

Rizal juga pernah dipilih sebagai salah seorang juri dalam sebuah program realiti bakat tempatan iaitu Bintang Search, membuktikan peranannya sebagai figura yang dipercayai dalam industri seni.

Namun, laluan ke pentas gemilang tidak mudah. Rizal mengakui pernah melalui detik sukar apabila terpaksa menarik diri daripada menyertai Big Stage musim kelima atas faktor tertentu. Ketika itu, beliau turut berdepan cabaran ekonomi selepas terpaksa kembali ke NBD semasa tempoh pandemik.

"Selama dua tahun saya tiada pekerjaan yang tetap dan terpaksa mencari rezeki sendiri. Namun begitu, saya tidak pernah berputus asa dan terus mengasah bakat secara bersendirian tanpa pendidikan formal dalam muzik," ujar Rizal.

Rizal juga merupakan salah seorang barisan penyanyi yang telah mewakili negara ke ASEAN-Korea Music Festival 2024 ROUND pada tahun lalu bersama para penyanyi dari negara-negara ASEAN yang terlibat dengan dunia seni dan hiburan.

Pengalaman di Big Stage Alpha

Menyertai Big Stage Alpha menjadi satu detik penting dalam perjalanan seni Rizal. Menjadi wakil dari luar Malaysia, kejayaannya merangkul tempat ketiga bukan

sahaja pencapaian peribadi, malah satu kemenangan besar buat NBD.

"Bukan mudah untuk mara ke peringkat akhir apatah lagi bersaing dengan peserta-peserta hebat dari negara-negara jiran, Malaysia, Singapura dan Indonesia," katanya.

Beliau menyifatkan momen saat diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga merupakan satu detik paling bermakna dalam hidupnya.

Namun, antara cabaran paling getir yang dilalui ialah ketika mempersembahkan lagu Korea 'Sudden Shower' dalam keadaan kesihatan yang kurang sihat dengan menghidap demam panas serta mengalami masalah tekak sehingga batuk berdarah, namun semangat juang yang ditanam dalam diri beliau tetap meneruskan persembahan.

"Show must go on," katanya penuh semangat.

Selain mengasah kemahiran vokal dan pentas, pertandingan ini turut mengajarnya tentang kepentingan kerja dalam masa terhad dengan hanya empat hari untuk mempersiapkan dua persembahan setiap minggu. Hubungan mesra bersama peserta lain juga menjadi elemen penting dalam membentuk kumpulan ALPHA, hasil kesinambungan daripada pertandingan tersebut.

ALPHA, masa depan seni

Kini, Rizal memberi tumpuan kepada projek kumpulan ALPHA yang turut dianggotai bersama enam ahli lain. Selepas pelancaran single sulung 'Monalisa', kumpulan ini kini sedang dalam proses rakaman lagu baharu dan perancangan untuk pelbagai persembahan termasuk konsert bersama Hael Husaini pada Ogos depan.

Mereka juga bakal menjalani latihan intensif di Korea Selatan sebagai persediaan untuk memantapkan bakat secara menyeluruh termasuk dalam bidang nyanyian, tarian dan persembahan pentas.

"Sebagai kumpulan yang masih baharu dalam industri, kami perlu banyak belajar. Tapi saya yakin dengan bimbingan yang ada serta semangat yang kental juga kerjasama dari kesemua ahli saya penuh yakin ALPHA mampu bertahan dan berjaya dalam jangka masa panjang," jelasnya.

Sokongan peminat, media sosial

Rizal turut mengakui bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam membina kerjaya sebagai artis muda hari ini.

"Bukan semua orang menonton televisyen. Media sosial beri spotlight kepada artis baharu untuk dikenali dengan lebih luas," ujarnya.

Beliau tidak lupa untuk merakamkan penghargaan kepada para peminat yang setia menyokongnya sejak awal perjalanan sebagai penyanyi solo hinggalah kini sebagai ahli kumpulan ALPHA.

"InsyaAllah dengan peluang kedua ini, saya akan gunakan sepenuhnya untuk terus bersinar dalam dunia seni," jelasnya.

Nasihat, kata semangat

Menutup temu bual, Rizal menitipkan pesan buat generasi muda yang bercita-cita menjejak langkahnya dalam industri muzik.

"Jangan pernah berhenti mencuba. Gagal sekali bukan bermaksud gagal selamanya. Terus percaya pada rezeki dan takdir Allah," katanya penuh makna.

Dan jika diberi peluang untuk berbicara dengan dirinya yang baru mula menyanyi dulu?

"Saya akan ucapkan terima kasih kepada diri saya kerana tidak berputus asa. Saya bangga dengan kamu," ujar Rizal dengan penuh emosi.

Dari seorang peminat muzik di SoundCloud ke pentas Big Stage Alpha, perjalanan Rizal Rasid membuktikan bahawa mimpi itu boleh menjadi realiti jika disertai dengan usaha, doa dan semangat yang tidak pernah luntur.



Perkongsian, kegembiraan rasa, cerita kek Brunei 2025, satukan komuniti

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

LEBIH 100 biji kek dalam pelbagai bentuk, rasa dan cerita telah menghiasi Wonderpark Colonnade, Taman Permainan Jerudong (JP) baru-baru ini sempena acara Cake Picnic Brunei 2025 iaitu acara komuniti berasaskan perkongsian kek yang pertama seumpamanya dianjurkan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dianjurkan oleh Big BWN Project dengan kerjasama dua jenama pembuat kek tempatan terkenal, Nona Manis dan Hafi Kay Midnight Baker, acara ini diinspirasikan daripada gerakan antarabangsa Cake Picnic yang membawa misi mulia – merapatkan hubungan sesama masyarakat melalui kegembiraan berkongsi kek.

Menurut Pengarah Big BWN Project, Dayang Noor Hafizah binti Rashid semasa ditemui menjelaskan, objektif acara ini adalah untuk mewujudkan ruang inklusif yang menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, serta menyediakan platform bagi pembuat kek dan usahawan tempatan menampilkan kreativiti mereka.

Acara ini turut mengetengahkan kepelbagaian budaya kulinari melalui kek daripada kuih tradisional Brunei sehinggalah kepada ciptaan moden antarabangsa,

dalam semangat perkongsian makanan yang selamat dan bertanggungjawab.

Kek, komuniti, kisah di sebaliknya

Sebanyak 107 penyertaan diterima, dengan setiap peserta membawa kek mereka sendiri lengkap dengan label bahan dan alergen seperti yang digariskan dalam panduan acara.

Lebih unik lagi, peserta bukan sahaja berkongsi kek tetapi juga berkongsi cerita di sebalik kek yang dibawa. Inilah yang membezakan Cake Picnic daripada acara makanan yang lain.

Seorang peserta, Dayang Sarimah binti Sudin dari Kampung Selayun, membawa kek Tres Leches, kek klasik dari Mexico yang diperbuat daripada tiga jenis susu.

"Saya selalu lihat kek ini dalam video luar negara dan tertanya-tanya bagaimana rasanya. Bila saya cuba buat sendiri, ternyata ia sangat sedap dan mengingatkan saya kepada kek tradisional kita. Keluarga pun suka, sebab itu saya bawa ke sini untuk dikongsi," ujarnya.

Bagi beliau, konsep acara ini sangat menarik kerana ia bukan sahaja berkisar tentang kek tetapi juga tentang pertemuan,

perkenalan dan perkongsian ilmu dalam dunia pembuatan kek.

Sementara itu, Dayang Rabiatal binti Mat Salleh dari Kampung Sungai Teraban menyertai acara tersebut bersama kawannya dengan membawa Cheesecake with Cream Cheese Fillings dihiasi buah-buahan segar.

"Kek ini antara kek terawal saya buat ketika mula belajar membakar dengan sokongan keluarga dan kawan-kawan. Ia juga kek paling laris dalam jualan saya," jelasnya.

Beliau turut tertarik dengan kek-kek lain yang dipamerkan, terutamanya Snickers Chocolate Cake dan Pandan Gula Melaka kerana dekorasinya yang unik dan rasa yang memikat.

Menurutnya, suasana acara sangat mesra dan menyenangkan, dengan peserta yang ramah serta terbuka berkongsi tip dan pengalaman.

Lebih daripada sekadar kek

Acara ini turut memperkenalkan para peserta kepada dunia pembuat kek tempatan seperti Nona Manis, sebuah *patisserie* terkenal di NBD yang dikenali dengan kek artisanal dan kelas pembakaran keknya serta Hafi Kay Midnight Baker, pembuat kek yang sedang meningkat naik

dengan konsep kreatif seperti penghantaran kek pada waktu tengah malam.

Kesemua kek yang dibawa peserta disediakan menggunakan bahan-bahan halal dan menepati piawaian kebersihan yang ketat. Setiap peserta turut bertanggungjawab menyediakan pemidang atau tempat penaruhan kek masing-masing.

"Saya harap acara seperti ini akan diadakan lagi dan mungkin diperluaskan agar lebih ramai dapat turut serta," tambah Dayang Rabiatal penuh semangat.

Meraikan kek, meraikan komuniti

Lebih daripada sekadar perkongsian kek, Cake Picnic Brunei 2025 menjadi simbol bagaimana makanan boleh menjalin silaturahmi, membina komuniti dan meraikan kreativiti bersama.

Sebagai acara komuniti tanpa keuntungan, ia berjaya mewujudkan satu suasana yang mesra, inklusif dan penuh inspirasi, menjadikan kek bukan sahaja hidangan pencuci mulut tetapi juga medium penyatuan masyarakat.

Jika awda ingin menyertai pengalaman seumpamanya pada masa akan datang, pastikan anda bersedia bukan sekadar dengan kek tetapi juga dengan kisah manis yang ingin dikongsikan.





CHINA, PERANCIS SETUJU PROMOSI MULTILATERALISME

PARIS, 5 Julai. - Presiden Perancis, Emmanuel Macron bertemu dengan Menteri Luar China, Wang Yi pada Jumaat dengan kedua-dua pihak berikrar untuk bersama-sama mempromosikan multilateralisme dan mengukuhkan penyalarsan dalam menangani konflik hegemoni serta konfrontasi blok, lapor Xinhua.

Dalam pertemuan mereka di Istana Elysee, Macron meminta Wang, yang juga ahli Biro Politik Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China, untuk menyampaikan salam mesra dan ucapan selamat beliau kepada Presiden China, Xi Jinping.

Macron berkata Perancis dan China berkongsi konsensus yang luas dalam pelbagai isu penting, termasuk menyokong multilateralisme dan mematuhi undang-undang antarabangsa. Sebagai anggota tetap

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kedua-dua negara memikul tanggungjawab yang lebih besar ketika dunia berdepan cabaran ketidaktentuan yang semakin meningkat.

Beliau berkata Perancis ingin mengukuhkan penyalarsan dasar dengan China dalam isu ekonomi, kewangan dan tadbir urus global antarabangsa, menangani cabaran global secara bersama, menyuntik lebih tenaga ke dalam multilateralisme dan mengelakkan dunia daripada terjerumus dalam konflik hegemoni serta konfrontasi blok.

Macron menyatakan Kesatuan Eropah dan China perlu membuat pilihan strategik untuk menjadi rakan yang boleh dijangka dan boleh dipercayai bersempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik kedua-dua pihak.

Perancis juga memberi keutamaan kepada pembangunan hubungan Perancis-China dan mengalu-alukan lebih banyak pelaburan China ke Perancis bagi membangunkan hubungan ekonomi dan perdagangan yang lebih seimbang.

Beliau turut menyatakan harapan untuk melawat China sekali lagi pada masa yang sesuai.

Sementara itu, Wang menyampaikan salam mesra Presiden Xi kepada Macron, sambil menyatakan bahawa China bersedia bekerjasama dengan Perancis untuk melaksanakan konsensus penting yang dicapai kedua-dua ketua negara, membuat persiapan bagi pertukaran peringkat tinggi pada fasa seterusnya dan memperdalam kerjasama dalam semua bidang.

Wang berkata China dan

Perancis merupakan rakan kongsi strategik komprehensif dan dua kuasa penstabil utama di dunia selain menekankan bahawa semakin bergelora situasi antarabangsa, semakin terserlah nilai strategik hubungan China-Perancis.

China percaya bahawa trend ke arah dunia multipolar tidak dapat dihalang manakala trend globalisasi adalah tidak dapat dipulihkan, kata Wang sambil menegaskan bahawa ulang tahun ke-80 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu dijadikan peluang untuk memperkukuh peranan teras PBB dan memastikan ia memainkan peranannya dengan sewajarnya.

Beliau berkata China bersedia untuk mengukuhkan komunikasi strategik dan kerjasama erat dengan Perancis, mengamalkan multilateralisme secara bersama,

menentang tindakan buli secara unilateral dan menolak konfrontasi blok bagi menyuntik lebih banyak kepastian dan kebolehramalan dalam dunia yang sedang mengalami perubahan dan kekacauan, mempromosikan multipolarisasi yang setara dan teratur serta globalisasi ekonomi yang inklusif dan bersama-sama membina komuniti berkongsi masa depan.

China bersedia untuk memperdalam kerjasama saling menguntungkan dengan Perancis dan berharap pihak Perancis dapat menyediakan persekitaran yang lebih baik dan adil bagi syarikat China untuk melabur dan beroperasi di Perancis, katanya.

Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai krisis Ukraine, situasi di Gaza, isu nuklear Iran dan beberapa isu lain. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 7 maut, lebih 30 cedera bas terjunam dalam sungai di selatan Mexico

MEXICO CITY, 5 Julai. - Sekurang-kurangnya tujuh orang maut manakala lebih 30 lagi cedera awal pagi Jumaat apabila sebuah bas penumpang terjunam ke dalam Sungai Tlapaneco di Ixcateopan de Cuauhtemoc, kawasan pergunungan di negeri Guerrero, selatan Mexico, menurut pihak berkuasa tempatan.

Kemalangan dilaporkan berlaku kira-kira 1.40 pagi waktu tempatan (0740 GMT) ketika bas terbabit dalam perjalanan dari Cuernavaca ke Tlapa de Comonfort sebelum hilang kawalan dan terjatuh ke dalam sungai, lapor Xinhua.

Menurut pegawai perlindungan awam, angka awal menunjukkan

tujuh mangsa disahkan maut, lima masih hilang manakala lebih 30 orang cedera dan telah dihantar ke hospital berhampiran untuk rawatan lanjut.

Pasukan penyelamat kini sedang giat menjalankan operasi mencari di kawasan hiliran dengan harapan menemukan lebih ramai mangsa yang terselamat.

Antara mangsa yang terkorban dikenal pasti sebagai penduduk dari Tlapa, Cochoapa el Grande dan Tlacuiloya di Guerrero.

Seorang bayi yang berjaya diselamatkan kini berada dalam pemantauan rapi pihak perubatan.

Operasi menyelamat disertai

pasukan perlindungan awam negeri, Pengawal Kebangsaan, tentera Mexico serta sukarelawan tempatan.

Namun, usaha mereka terjejas oleh arus sungai yang deras dan keadaan muka bumi yang mencabar.

Siasatan awal mendapati punca kemalangan mungkin melibatkan beberapa faktor termasuk pemanduan laju, keletihan pemandu, keadaan jalan yang tidak selamat atau kemungkinan kerosakan mekanikal.

Laporan tempatan turut mengesyaki bas itu membawa penumpang melebihi had kapasiti. - ©BERNAMA

IAEA : Perbincangan dengan Iran penting bagi sambung semula pemeriksaan nuklear

ISTANBUL, 5 Julai. - Ketua Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) pada Jumaat mengulangi kepentingan yang sangat penting untuk melibatkan Iran bagi menyambung semula pemeriksaan nuklear, selepas Tehran menggantung kerjasama dengan organisasi itu susulan konflik 12 hari berkaitan program nuklearnya dengan Israel dan Amerika Syarikat (AS), lapor Anadolu Ajansi (AA).

Memetik satu kenyataan, laporan itu menyatakan Rafael Grossi mengulangi kepentingan yang sangat penting bagi IAEA untuk berbincang dengan Iran mengenai kaedah menyambung semula aktiviti pemantauan dan pengesanan yang amat diperlukan di Iran secepat mungkin.

Dalam kenyataan berasingan, IAEA memaklumkan para pemeriksanya yang kekal berada di Iran semasa konflik baru-baru ini akibat serangan Israel telah kembali ke ibu pejabat agensi itu di Vienna.

Israel telah menyerang lokasi ketenteraan dan nuklear Iran pada 13 Jun, menyebabkan beberapa pegawai tertinggi tentera dan saintis kanan negara itu terbunuh sehingga mencetuskan serangan balas.

Amerika Syarikat kemudiannya turut terlibat dalam konflik itu apabila mengebom tiga kemudahan nuklear di Iran.

Gencatan senjata yang ditaja AS berkuat kuasa pada 24 Jun.

Pegawai Iran mengkritik IAEA kerana gagal mengecam serangan Israel dan AS, selain meluluskan satu resolusi pada 12 Jun yang menuduh Tehran tidak mematuhi kewajipan nuklearnya.

Iran turut menuduh Grossi bertindak sebagai pengintip untuk Israel dan mengumumkan bahawa beliau tidak lagi dibenarkan memasuki negara itu.

Pada 25 Jun, Parlimen Iran meluluskan rang undang-undang untuk menggantung kerjasama dengan IAEA.

Majlis Penjaga, badan pengawasan perlembagaan Iran mengesahkan undang-undang itu sehari kemudian dan ia mula berkuat kuasa pada 2 Julai dengan tandatangan Presiden Masoud Pezeshkian.

Iran menyatakan ia masih komited kepada Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear (NPT), namun tidak lagi dipercayai IAEA. - ©BERNAMA

Krisis air Greece semakin meruncing

ATHENS, 5 Julai. - Krisis air di Greece semakin meruncing dengan penurunan ketara dalam simpanan air permukaan dan bawah tanah, lapor media tempatan pada Jumaat, memetik satu tinjauan utama.

Akhbar harian To Vima melaporkan penurunan membimbangkan dalam kedua-dua jenis simpanan air itu, dengan keadaan diburukkan lagi oleh pengekstrakan berlebihan untuk tujuan pertanian dan pelancongan, infrastruktur usang

serta ketiadaan strategi air kebangsaan yang jelas, menurut Anadolu Ajansi.

Memetik data daripada Tinjauan Geologi dan Penerokaan Mineral Hellenic (EAGME), akhbar itu memaklumkan bahawa banyak akuifer bawah tanah di negara itu, yang dianggap sebagai simpanan air strategik kerana daya tahannya terhadap pencemaran dan penyejatan, kini berada pada tahap hampir kritikal.

Kawasan yang paling terjejas

termasuk destinasi pelancongan seperti Kepulauan Aegean serta kawasan Moudania dan Kassandra di Semenanjung Chalkidiki, di mana bekalan air minuman semakin berkurangan.

Selain itu, kemarau berpanjangan terutamanya di selatan dan timur Greece - termasuk Crete, Peloponnese dan beberapa kepulauan Cycladic - telah mengakibatkan penurunan mendadak dalam jumlah hujan dan salji. - ©BERNAMA

45 cedera dalam letupan stesen minyak di Rome, Itali

ROME, 5 Julai. - Jumlah mangsa yang cedera meningkat kepada 45 orang susulan letupan kuat di sebuah stesen minyak di timur Rome pada pagi Jumaat, menurut laporan terkini media Itali, lapor Xinhua.

Agensi berita Itali, ANSA melaporkan bahawa mangsa yang cedera termasuk 12 anggota polis, enam anggota bomba dan tiga anggota penyelamat

kecemasan yang tiba di lokasi selepas letupan kecil pertama berlaku. Beberapa letupan susulan berlaku tidak lama selepas itu.

Dua mangsa kini berada dalam keadaan kritikal dan memerlukan alat sokongan hayat, manakala enam lagi berada dalam kategori 'kod merah' iaitu tahap kecemasan perubatan tertinggi dalam sistem kesihatan

Itali.

Letupan berlaku di sebuah stesen minyak di Via Gordiani, Daerah Prenestino, Rome. Siasatan awal oleh jabatan bomba tempatan mendapati letupan mungkin berpunca daripada satu pam bahan api yang tertanggal daripada sebuah lori tangki. Pihak berkuasa masih meneruskan siasatan mengenai kejadian itu. - ©BERNAMA

Kebakaran tidak diketahui punca berlaku dekat Istana Presiden Syria

DAMSYIK, 5 Julai. - Kebakaran yang tidak diketahui puncanya berlaku pada petang Jumaat di kawasan belukar berhampiran Istana Presiden al-Shaab Syria yang terletak di atas bukit menghadap ibu kota Damsyik, mengakibatkan asap hitam tebal kelihatan di kawasan luas, lapor Xinhua memetik media tempatan dan saksi.

Saluran TV Al-Ikhbaria yang dikendalikan kerajaan memaklumkan kebakaran berlaku di sebuah dapur di satu daripada taman istana itu dan bukannya di dalam bangunan.

Menurut laporan itu, pasukan pertahanan awam sedang berusaha mengawal kebakaran berkenaan.

Wartawan Xinhua yang berada berhampiran lokasi kejadian melihat kepulan asap tebal memenuhi kawasan kejiranan Mazzeh di bahagian barat. - ©BERNAMA

7 MAUT, 6 CEDERA KERETA API LANGGAR BAS MINI DI UTARA ZAMBIA



LUSAKA (Zambia), 6 Julai. - Sekurang-kurangnya tujuh orang maut manakala enam lagi cedera selepas sebuah kereta api melanggar sebuah kenderaan di Daerah Mpika, utara Zambia pada Sabtu, kata polis

pada Sabtu, lapor Xinhua. Timbalan Jurucakap Polis, Godfrey Chilabi berkata kemalangan itu berlaku pada awal pagi Sabtu di lintasan kereta api. Beliau dalam satu kenyataan

memaklumkan bahawa kemalangan berlaku apabila pemandu sebuah bas mini gagal berhenti di lintasan kereta api sebelum kenderaan berkenaan dilanggar oleh kereta api yang sedang melalui kawasan itu.

Chilabi berkata tujuh orang, termasuk pemandu maut di tempat kejadian manakala enam lagi cedera. "Siasatan sedang dijalankan. Kami menggesa semua pemandu dan

pengguna jalan raya supaya berhati-hati apabila menghampiri lintasan kereta api," katanya. - ©BERNAMA

Parlimen Kosovo dikosongkan akibat ancaman bom palsu

BELGRADE, 6 Julai. - Pihak berkuasa di Kosovo mengosongkan bangunan Parlimen pada Sabtu susulan ancaman bom palsu semasa sesi pemilihan speaker baharu, lapor Anadolu Ajansi (AA). Penggubal undang-undang memasuki bangunan Parlimen pada waktu pagi bagi menyambung

semula Perhimpunan Agung Sesi Ke-42 yang telah berlangsung sejak 15 April berikutan kegagalan memilih speaker baharu. Berikutan ancaman bom, unit keselamatan Parlimen mengosongkan bangunan dengan memindahkan ahli Parlimen dan wartawan.

"Polis Kosovo, dengan penyelarasan pejabat pendakwa raya berkaitan, telah menjalankan pemeriksaan keselamatan di lokasi bersama pakar pemusnah bom dan unit lain," menurut polis dalam satu kenyataan. Menurut jurucakap Parlimen, seorang pemanggil berbahasa

Inggeris telah menghubungi mereka dan mendakwa bom telah diletakkan di dalam bangunan serta akan meletup dalam masa 10 minit. "Ia benar-benar tidak masuk akal. Ini mungkin panggilan yang disengajakan untuk menghalang ahli Parlimen daripada menghadiri persidangan," kata Ahli Parlimen daripada parti Perikatan untuk Masa Depan Kosovo (AAK), Time Kadrijaj.

Ketua Pendakwa Raya di Pejabat Pendakwaan Asas Pristina, Zejnullah Gashi memaklumkan amaran itu adalah palsu dan tiada perkara mencurigakan ditemui di lokasi. Berikutan insiden itu, sesi Parlimen telah ditangguhkan ke 8 malam waktu tempatan. Pejabat Presiden turut terletak di bangunan yang sama dengan Parlimen. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 43 maut, termasuk 15 kanak-kanak dalam banjir kilat di Texas

ISTANBUL, 6 Julai. - Sekurang-kurangnya 43 orang, termasuk 15 kanak-kanak maut dalam kejadian banjir di Kerr County, negeri Texas, Amerika Syarikat (AS), lapor Anadolu Ajansi memetik kenyataan seorang pegawai pada Sabtu. Syerif Larry Leitha berkata 15 daripada mangsa adalah kanak-kanak, sambil memaklumkan lima kanak-kanak dan 12 dewasa masih belum dikenal pasti. Pengurus Bandar Kerrville, Dalton Rice memaklumkan usaha

mencari dan menyelamatkan kekal menjadi keutamaan di tengah Texas dengan pasukan penyelamat sedang mencari mangsa yang hilang di sepanjang Sungai Guadalupe, menurut CNN. "Kami benar-benar memberi tumpuan kepada keselamatan nyawa. Keutamaan kami ialah usaha mencari dan menyelamatkan setiap individu yang terlibat, dan kami akan meneruskan operasi sepanjang malam untuk memastikan ia dapat dilaksanakan," katanya dalam sidang media. Beliau berkata 27 kanak-kanak

dari Kem Mystic masih hilang ketika operasi menyelamatkan diteruskan susulan limpahan air deras Sungai Guadalupe yang melanda tapak perkhemahan pada Jumaat. "Kami telah menyelamatkan ratusan orang dari kem ini sepanjang hari," kata Rice. Banjir yang telah meragut sekurang-kurangnya 27 nyawa itu bermula lewat Khamis dan berterusan hingga awal pagi Jumaat, apabila hujan lebat menyebabkan Sungai Guadalupe melimpah dengan mencapai paras lebih 11.8 meter. - ©BERNAMA

2 kes baharu virus Nipah di Kerala, India

NEW DELHI, 6 Julai. - Dua kes baharu virus Nipah dilaporkan di negeri Kerala, selatan India, menurut penyiar kerajaan All India Radio pada Sabtu. Menurut pegawai, virus berbahaya itu telah meragut nyawa seorang remaja perempuan berusia 18 tahun, manakala seorang wanita berusia 38 tahun yang dilaporkan berada dalam keadaan kritikal sedang menerima rawatan di hospital, lapor Xinhua. Pegawai memaklumkan sampel kedua-dua pesakit disahkan positif

di Institut Virologi Kebangsaan pada Jumaat. Remaja itu dibawa ke Kozhikode dari sebuah hospital swasta di Kottakkal dengan demam panas dan muntah yang teruk. Menurut doktor, beliau didapati mati otak ketika tiba di hospital. Wanita berkenaan pula mengalami demam hampir 20 hari lepas dan telah mendapatkan rawatan di dua tempat. Kembalinya kes jangkitan Nipah ini telah menimbulkan kebimbangan baharu dalam

kalangan pegawai kesihatan negeri itu. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jangkitan virus Nipah merupakan zoonosis baharu yang menyebabkan penyakit teruk dalam kalangan haiwan dan manusia. Jangkitan dalam kalangan manusia biasanya menunjukkan gejala sindrom ensefalitis yang dicirikan dengan demam, sakit kepala, mengantuk, kekeliruan mental dan koma, yang boleh membawa maut. - ©BERNAMA

Musk umum penubuhan parti politik baharu di Amerika Syarikat

LOS ANGELES, 6 Julai. - Jutawan teknologi Elon Musk pada Sabtu mengumumkan penubuhan 'Parti Amerika', yang menurutnya bertujuan mengembalikan kebebasan rakyat, susulan keputusan tinjauan pendapat dalam talian yang menunjukkan sokongan kuat terhadap kewujudan kuasa politik baharu, lapor Xinhua. "Hari Kemerdekaan merupakan masa terbaik untuk bertanya sama ada anda mahukan kebebasan daripada sistem dua parti (yang sesetengah anggap sebagai satu parti tunggal)," tulis Musk dalam hantaran pada Jumaat ketika melancarkan tinjauan itu. Lebih 65 peratus daripada 1.2 juta responden menyokong idea berkenaan. Sebagai reaksi kepada keputusan itu, Musk menulis pada Sabtu: "Dengan nisbah 2 kepada 1, anda mahukan parti politik baharu dan anda akan mendapatkannya! Apabila negara kita dibebani pembaziran dan

penyelewengan, kita sebenarnya hidup dalam sistem satu parti, bukan demokrasi". Menurut Musk, Parti Amerika akan memberi tumpuan khusus kepada dua atau tiga kerusi Senat dan antara lapan hingga 10 kerusi di Dewan Perwakilan - strategi yang dilihat berpotensi mempengaruhi keseimbangan kuasa dalam kongres yang kini terbahagi secara hampir seimbang. Namun, pakar undang-undang pilihan raya menegaskan bahawa kemasukan parti baharu berdepan halangan tinggi. Di California, sebagai contoh, penganjur perlu mendaftarkan sekitar 75,000 ahli atau mengumpulkan 1.1 juta tandatangan untuk melayakkan parti muncul di kertas undi. Penganalisis politik pula berpandangan bahawa langkah Musk mungkin lebih bersifat tekanan terhadap penggubal undang-undang berbanding usaha membina parti ketiga yang

berdaya tahan. Ia dibuat susulan kelulusan Rang Undang-Undang 'One Big Beautiful Bill' oleh Presiden Donald Trump yang antara lain memotong insentif kenderaan elektrik dan meningkatkan perbelanjaan persekutuan - langkah yang ditentang oleh Musk, memandangkan syarikatnya Tesla mendapat manfaat daripada subsidi EV. Musk sebelum ini turut mengancam untuk membiayai calon-calon yang mencabar ahli-ahli kongres yang menyokong rang undang-undang itu. Trump pula memberi bayangan akan menilai semula apa yang disebutnya sebagai 'berbilion dolar dalam bentuk subsidi' berkaitan dengan projek-projek yang dikaitkan dengan Musk. Pemerhati politik melihat tindakan Musk lebih menyerupai taktik tawar-menawar berprofil tinggi berbanding permulaan kepada perubahan besar dalam sistem politik AS. - ©BERNAMA

Kedutaan Malaysia siasat dakwaan seorang warganegara terlibat insiden feri karam

PUTRAJAYA, 6 Julai. - Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa Indonesia bagi mengesahkan maklumat mengenai kemungkinan penglibatan seorang warganegara Malaysia dalam insiden feri karam di Selat Bali. Kementerian Luar Negeri dalam satu kenyataan pada Ahad memaklumkan bahawa usaha sedang dijalankan untuk mengesahkan identiti mangsa-mangsa yang terlibat. "Kedutaan telah berhubung dengan pihak berkuasa Indonesia sejak awal lagi dan pada mulanya dimaklumkan bahawa tiada warganegara Malaysia terlibat dalam insiden itu. "Namun, berikutan laporan terbaharu yang menunjukkan kemungkinan terdapat seorang rakyat Malaysia antara mangsa, pihak Kedutaan sedang giat bekerjasama dengan Jabatan Konsular Kementerian dan pihak berkuasa Indonesia bagi mengesahkan perkara ini," menurut kenyataan itu. Kenyataan itu turut menegaskan bahawa selagi operasi mencari dan menyelamatkan masih dijalankan, kedutaan akan terus menjalin hubungan rapat dan berterusan dengan semua agensi berkaitan. Bagi mendapatkan bantuan konsular, rakyat Malaysia boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta di alamat Jl. H.R. Rasuna Said Kav.X/6, No. 1-3, Kuningan, Jakarta Selatan, Indonesia melalui talian +6281380813036 atau e-mel mwjakarta@kln.gov.my, Mereka juga boleh menghubungi Konsul Kehormat Malaysia di Bali di talian +62361751953. Bernama sebelum ini melaporkan bahawa sebuah feri yang membawa 12 anak kapal, 53 penumpang dan 22 kenderaan karam di Selat Bali lewat malam Rabu ketika dalam perjalanan dari Jawa Timur ke Bali. Setakat 5 Julai, sekurang-kurangnya enam maut, 29 masih hilang manakala 30 yang lain berjaya diselamatkan, menurut Kementerian Pengangkutan Indonesia. - ©BERNAMA

Perdana Menteri Slovakia kesal polisi 'tirai besi' kembali mewarnai Eropah

BRATISLAVA, Slovakia, 6 Julai. - Perdana Menteri Slovakia, Robert Fico meluahkan kekesalan terhadap kembalinya dasar 'Iron Curtain' atau 'Tirai Besi' di Eropah yang menurutnya kini semakin menjadi kenyataan. "Mereka mahu sekali lagi memisahkan Barat dan Timur. Malangnya, Tirai Besi kini sedang menjadi realiti. Hubungan telah terputus dan sesiapa sahaja yang cuba memahami apa yang berlaku di sebalik tirai itu terus dituduh mengkhianati nilai-nilai Eropah," katanya semasa berucap pada sambutan Hari Santo Cyril dan Methodius pada Sabtu. Fico bagaimanapun menegaskan bahawa beliau tetap akan berusaha menjalin kerjasama secara aman, walaupun terhalang oleh 'Tirai Besi' itu. Terdahulu pada awal Mei, Fico pernah menyatakan bahawa selagi beliau mengetuai kerajaan Slovakia, negaranya tidak akan menjadi sebahagian daripada 'Tirai Besi' yang memisahkan Eropah dan Rusia. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



TARIK MINAT SEMUA GENERASI TERHADAP SUKAN LASAK, KOMPETITIF



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Perlumbaan Basikal Trio Furnace 2025 anjuran Team Basikal 430 Bukit Ambog dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Kampung Keriam Tutong yang diadakan di Trek MTB Bukit Ambog.

MTB di peringkat daerah yang mampu menarik penyertaan pelumba tempatan sebagai platform penggalakkan gaya hidup aktif dan memperkenalkan lokasi rekreasi setempat selain menjadikan sukan ini sebagai salah satu aktiviti tahunan daerah dan menarik minat semua generasi terhadap sukan lasak dan kompetitif.

Perlumbaan berkenaan dibukakan kepada semua warganegara dan penduduk tetap bagi semua peringkat umur.

Dengan sokongan pelbagai pihak, perlumbaan ini diharapkan dapat menjadi medium penyatuan masyarakat sambil meningkatkan kesedaran terhadap kesihatan dan kepentingan menjaga alam sekitar.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Ahad, 6 Julai. - Sukan Berbasikal Gunung (MTB) semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tempatan, khususnya golongan belia yang menggemari aktiviti lasak dan mencabar.

Laluan-laluan mencabar seperti Trek Bukit Ambog sesuai dijadikan lokasi bagi pertandingan yang menguji ketahanan

fizikal dan mental para peserta.

Sehubungan itu, Perlumbaan Basikal Trio Furnace 2025 diadakan bagi memupuk semangat kesukanan, gaya hidup sihat serta memperkenalkan lokasi pelancongan sukan tempatan. Perlumbaan yang berlangsung di Trek MTB Bukit Ambog ini disertai oleh seramai 27 orang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Perlumbaan tersebut merupakan anjuran Team Basikal 430 Bukit Ambog dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Kampung Keriam Tutong.

Antara lain tujuan perlumbaan tersebut diadakan bagi mengadakan satu kejohanan

Pupuk semangat perpaduan, galakkan gaya hidup sihat



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Julai. - Sambutan Hari Keluarga Kampung Beribi dianjurkan untuk mengukuhkan silaturahmi, memupuk semangat perpaduan dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk kampung.

Sehubungan itu, Sambutan

Hari Keluarga Kampung Beribi berlangsung pagi tadi bertempat di Sekolah Rendah Beribi Telanai, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Awang Haji Mohammad Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Kampung Beribi Kawasan 2, Awang Mohammad Faizal bin Haji Zaini selaku Pemangku Ketua Kampung Mata-Mata Kawasan 1, yang antara lain berkata, acara seperti ini menjadi wadah untuk mereka saling mengenali, merapatkan jurang antara generasi dan menyemai rasa kebersamaan dalam komuniti

kita.

Awang Mohammad Faizal seterusnya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan menjadi platform yang menyatukan mereka sebagai satu keluarga besar, mesra, saling hormat-menghormati dan sentiasa bekerjasama demi kesejahteraan kampung yang kita cintai ini.

AWANG Haji Mohammad Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Keluarga Kampung Beribi (kiri). Manakala gambar kiri sekali, antara yang menyertai senamrobik.

Acara kemudian diteruskan dengan senamrobik dan disusuli dengan penerangan ringkas mengenai sejarah penubuhan Kelab Memanah Setia Bersatu.

Turut diadakan ialah persembahan memanah menggunakan *unicycle* daripada salah seorang penduduk Kampung Beribi Kawasan 2, Mohammad Safiyullah bin Anuar, selaku Ahli Kelab Memanah Setia Bersatu.

Selain itu, jualan barangan dari kenderaan dan gerai-gerai jualan di dalam dewan juga diadakan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JALIN SILATURAHIM, BINA KOMUNITI, RAIKAN KEBAHAGIAAN BERSAMA